



**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971
PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 2010**

**Kaedah-Kaedah Universiti Malaya
(Ijazah Sarjana Muda Jurisprudens) 2019**

**Peraturan-Peraturan Universiti Malaya
(Ijazah Sarjana Muda Jurisprudens) 2019**

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 2010

**KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA
(IJAZAH SARJANA MUDA JURISPRUDENS) 2019**

SUSUNAN KAEDAH

**BAHAGIAN I
PERMULAAN**

Kaedah	muka surat
1. Nama, Mula Berkuatkuasa Dan Pemakaian	3
2. Tafsiran	4

**BAHAGIAN II
SYARAT PENERIMAAN MASUK**

3. Kemasukan ke Program Pengajian Ijazah	6
--	---

**BAHAGIAN III
PENDAFTARAN**

4. Pendaftaran Program Pengajian Bagi Pelajar Baharu	8
5. Pendaftaran Serentak	9
6. Pendaftaran Kursus	9

**BAHAGIAN IV
BAYARAN**

7. Menjelaskan Bayaran	9
8. Hak Mengubah Kadar Yuran dan Bayaran Lain	9
9. Tempoh Menjelaskan Yuran dan Bayaran Lain	9
10. Kegagalan Menjelaskan Yuran dan Bayaran Lain	9

BAHAGIAN V
TEMPOH PROGRAM PENGAJIAN

11.	Tempoh Program Pengajian	10
12.	Tempoh Minimum dan Tempoh Maksimum Program Pengajian	10
13.	Penggantungan Program Pengajian Pelajar	10

BAHAGIAN VI
STRUKTUR PROGRAM PENGAJIAN

14.	Struktur Program Pengajian	10
15.	Penilai Luar Program	10
16.	Komponen Kursus	11

BAHAGIAN VII
PEPERIKSAAN

17.	Jenis Peperiksaan	11
18.	Jawatankuasa Pemeriksa	11

BAHAGIAN VIII
PENGURNIAAN IJAZAH

19.	Syarat Pengurniaan Ijazah	11
-----	---------------------------	----

BAHAGIAN IX
AM

20.	Penamatan Status Akademik Pelajar	12
21.	Kuasa Senat Membuat Peraturan	12
22.	Pengecualian Pemakaian	12
23.	Pematuhan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, Statut, Kaedah-Kaedah Dan Peraturan-Peraturan Universiti	13
24.	Pembatalan	13

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 2010

KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA (IJAZAH SARJANA MUDA JURISPRUDENS) 2019

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen 37(1) Perlembagaan Universiti Malaya 2010 [P.U. (A) 444] Lembaga Pengarah Universiti Malaya membuat kaedah-kaedah berikut:

BAHAGIAN I PERMULAAN

1. Nama, Mula Berkuatkuasa Dan Pemakaian

- (1) Kaedah-kaedah ini dinamakan Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Ijazah Sarjana Muda Jurisprudens) 2019 [dahulunya dikenali sebagai Ijazah Sarjana Muda Jurisprudens (Eksternal) dan hendaklah berkuatkuasa mulai Sesi Akademik 2019/2020.
- (2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai kepada semua pelajar yang mengikuti program pengajian Ijazah Sarjana Muda Jurisprudens dan Ijazah Sarjana Muda Jurisprudens (Eksternal) mulai Sesi Akademik 2019/2020.
- (3) Walau apapun yang dinyatakan di subkaedah (2), -
 - (a) pelajar Sesi Kemasukan 2013/2014 dan sebelumnya akan terus tertakluk kepada keperluan MUET Tahap 4 (Band 4) sebelum dianugerahkan Ijazah dan struktur program pengajian seperti yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan Ijazah Sarjana Muda Jurisprudens (Eksternal) (Peperiksaan) 2007.
 - (b) pelajar Sesi Kemasukan 2014/2015 hingga 2018/2019 dikehendaki untuk memenuhi keperluan MUET Tahap 4 (Band 4) sebelum mencapai 60 kredit dan struktur program pengajian seperti yang ditetapkan di dalam Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti Malaya [Ijazah Sarjana Muda Jurisprudens (Eksternal)] 2014.

2. Tafsiran

Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“Bursar” ertinya seorang pegawai Universiti yang dilantik menurut seksyen 14 Perlembagaan;

“Dekan Fakulti” ertinya Dekan Fakulti Undang-Undang yang dilantik menurut peruntukan subseksyen 24(4) Perlembagaan;

“Fakulti” ertinya Fakulti Undang-Undang Universiti yang ditubuhkan menurut peruntukan subseksyen 24(1) Perlembagaan;

“Ijazah” ertinya Ijazah Sarjana Muda Jurisprudens atau Ijazah Sarjana Muda Jurisprudens (Eksternal);

“Jawatankuasa Pemeriksa” ertinya Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Senat atas perakuan Fakulti untuk mempertimbangkan keputusan peperiksaan dan menjalankan apa-apa kuasa lain yang diberi kepadanya menurut peruntukan Kaedah-Kaedah ini atau peraturan-peraturan yang berkenaan;

“Kalendar Pengajian” ertinya tempoh pengajian yang terdiri daripada minggu kuliah, minggu ulangkaji, minggu peperiksaan dan cuti dalam sesuatu sesi yang mana tarikh permulaan dan tarikh akhirnya hendaklah sepertimana yang ditetapkan oleh Naib Canselor;

“kredit” ertinya ukuran kuantitatif yang melambangkan volum pembelajaran atau beban pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran tertentu;

“kredit dapat” ertinya suatu kredit yang diperolehi oleh seseorang pelajar bagi sesuatu kursus yang dijalani dalam program pengajiannya bagi tujuan penyempurnaan pengijazahan;

“kredit kira” ertinya suatu kredit yang diperolehi oleh seseorang pelajar bagi sesuatu kursus yang dijalani dalam program pengajiannya dan gred yang diperolehi bagi kursus tersebut diambil kira di dalam pengiraan PNG dan PNGK;

“kursus” ertinya satu unit pengajian atau latihan yang disediakan dalam satu tempoh tertentu, biasanya dalam satu sesi yang menyumbang kredit kepada sesuatu program pengajian;

“Naib Canselor” ertinya ketua pegawai eksekutif dan akademik bagi Universiti yang dilantik menurut peruntukan subseksyen 12(1) Perlembagaan;

“NGMP” ertinya Nilai Gred Mata Pelajaran;

”Pendaftar” ertinya seorang pegawai Universiti yang dilantik menurut seksyen 14 Perlembagaan;

“pelajar” ertinya seseorang pelajar berdaftar yang sedang mengikuti kursus yang ditawarkan oleh Universiti bagi sesuatu program pengajian Ijazah dan disenaraikan dalam daftar pelajar Universiti menurut peruntukan subkaedah 4(2);

“Penyelaras Program” ertinya seseorang staf yang dilantik oleh Fakulti bagi menguruskan program pengajian;

“PNG” ertinya Purata Nilai Gred yang ditentukan dengan membahagikan jumlah mata gred yang diperolehi dengan jumlah kredit yang diambil dalam sesuatu sesi;

“PNGK” ertinya Purata Nilai Gred Kumulatif yang ditentukan dengan membahagikan jumlah mata gred yang diperolehi dengan jumlah kredit yang telah diambil mulai sesi pertama sehingga sesi terkini;

“Perlembagaan” ertinya Perlembagaan Universiti Malaya 2010;

“program pengajian” ertinya sekumpulan kursus yang dirancang dan disediakan bagi memenuhi keperluan untuk dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Jurisprudens atau Ijazah Sarjana Muda Jurisprudens (Eksternal);

“Senat” ertinya salah satu Pihak Berkuasa Universiti yang ditubuhkan menurut peruntukan subseksyen 22(1) Perlembagaan Universiti Malaya;

“Sesi Akademik” ertinya tempoh pengajian bagi program pengajian Ijazah yang tarikh permulaan dan tarikh tamatnya mengikut sesuatu tahun pengajian seperti yang ditetapkan oleh Naib Canselor;

“Sesi Kemasukan” ertinya sesi bilamana seseorang pelajar diterima masuk ke sesuatu program pengajian;

“Struktur Pengajian Ijazah” ertinya senarai kursus beserta jumlah kredit yang wajib disempurnakan bagi melayakkan seseorang pelajar untuk dianugerahkan Ijazah;

“Tahun Kalendar” ertinya jangka waktu (masa) yang lamanya dua belas bulan;

“Unit” ertinya bilangan kursus yang didaftarkan oleh pelajar bagi Sesi Kemasukan 2009/2010 dan sebelumnya;

“Universiti” ertinya Universiti Malaya;

“Yuran Kemasukan” ertinya bayaran yang dikenakan kepada pelajar semasa mengesahkan penerimaan tawaran kemasukan;

“Yuran Pengaktifan Status Akademik” ertinya bayaran yang perlu dijelaskan oleh pelajar untuk memperbaharui pendaftaran bagi setiap sesi akademik;

“Yuran Pengajian” ertinya bayaran yang perlu dijelaskan oleh pelajar untuk mengikuti kursus dan menduduki peperiksaan.

BAHAGIAN II **SYARAT PENERIMAAN MASUK**

3. Kemasukan ke Program Pengajian Ijazah

(1) Keperluan/Kelayakan Asas

(a) Setiap calon yang ingin mengikuti program pengajian di Universiti hendaklah memenuhi syarat seperti berikut:

(i) Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat kepujian dalam lima (5) mata pelajaran, termasuk:

(A) Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu Kertas Julai; dan

(B) Bahasa Inggeris dan tiga mata pelajaran lain.

(aa) Keputusan di dalam perkara (B) di atas hendaklah diperolehi di dalam peperiksaan yang sama.

dan

(ii) Lulus peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dan mendapat sekurang-kurangnya:

- (A) Gred C (NGMP 2.00) dalam mata pelajaran Pengajian Am; dan
- (B) Gred C (NGMP 2.00) dalam dua (2) mata pelajaran lain.

atau

- (iii) Lulus Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)/Asasi Universiti Awam dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00;

atau

- (iv) Lulus A Level dengan mendapat sekurang-kurangnya gred C dalam tiga (3) mata pelajaran;

atau

- (v) Memiliki kelulusan Diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia;

atau

- (vi) Memiliki kelulusan Ijazah pertama atau kelayakan yang setaraf yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia;

atau

- (vii) Mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang yang berkaitan.

dan

- (viii) Calon dianggap sesuai dan berkebolehan untuk mengikuti program pengajian oleh Jawatankuasa Pemilihan Kemasukan Fakulti.

- (b) Calon hendaklah mendapat sekurang-kurangnya Tahap 4 (Band 4) dalam *Malaysian University English Test (MUET)*.

- (c) Walau apapun yang dinyatakan di subkaedah 3(1)(b) di atas, pelajar yang masih belum mencapai tahap MUET seperti yang ditetapkan adalah diwajibkan untuk memenuhi keperluan tersebut dalam tempoh dua (2) sesi pengajian selepas tawaran. Pelajar yang gagal memenuhi syarat keperluan MUET akan ditamatkan pengajian.

- (d) Walau apapun yang dinyatakan di subkaedah 3(1) di atas, syarat kemasukan ke program pengajian adalah tertakluk kepada pindaan yang ditetapkan oleh Universiti dari semasa ke semasa.
- (e) Kemasukan pelajar ke program pengajian hendaklah setelah memenuhi syarat penerimaan masuk yang ditetapkan oleh Senat dan tertakluk kepada calon:
 - (i) membayar yuran tertentu;
 - (ii) mendaftar sebagai pelajar program pengajian; dan
 - (iii) tidak pernah mendapat status Gagal Keluar/Tamat Tempoh Pengajian bagi program yang sama.
- (f) Dalam keadaan tertentu, kemasukan pelajar adalah tertakluk kepada kelulusan Senat atas perakuan Jawatankuasa Pemilihan Kemasukan Fakulti serta memenuhi subkaedah 3(1)(e).
- (g) Kemasukan bagi program pengajian adalah pada permulaan setiap Sesi Akademik.
- (h) Walau apapun yang dinyatakan dalam subkaedah 3(1)(e) di atas, pihak Universiti berhak menarik balik penawaran pada bila-bila masa.

BAHAGIAN III **PENDAFTARAN**

4. Pendaftaran Program Pengajian Bagi Pelajar Baharu

- (1) Pemohon yang memilih untuk menerima tawaran yang diberikan oleh Universiti untuk mengikuti program pengajian dikehendaki mendaftar mengikut prosedur seperti yang ditetapkan dalam tawaran tersebut atau oleh Universiti.
- (2) Tertakluk kepada subkaedah (3) di bawah, sesiapa yang mendaftar seperti yang tersebut di subkaedah (1) adalah dikenali sebagai pelajar Universiti dan nama pelajar tersebut hendaklah disenaraikan dalam daftar pelajar Universiti sehingga pelajar berjaya menamatkan program pengajiannya dan Senat mengesahkan pelajar tersebut layak dianugerahkan ijazah atau sehingga atas sebab tertentu pelajar tersebut hilang kelayakannya menjadi pelajar Universiti mengikut mana yang terdahulu.
- (3) Pelajar yang telah mendaftar untuk program pengajian hendaklah mendaftar secara berterusan dengan Universiti dan sekiranya gagal

berbuat demikian akan terhenti daripada menjadi pelajar dan namanya akan digugurkan daripada senarai daftar pelajar.

5. Pendaftaran Serentak

Pelajar tidak dibenarkan mendaftar serentak untuk program pengajian lain yang membawa kepada penganugerahan sesuatu diploma/ijazah pertama/ijazah tinggi di Universiti atau di institusi atau universiti lain.

6. Pendaftaran Kursus

Setiap pelajar dikehendaki mendaftar kursus-kursus yang diambil pada setiap sesi mengikut syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawah Kaedah-Kaedah ini.

BAHAGIAN IV **BAYARAN**

7. Menjelaskan Bayaran

Pelajar baharu hendaklah menjelaskan semua bayaran yang ditetapkan di dalam surat tawaran kemasukan sebelum mendaftar sebagai pelajar Universiti untuk program pengajian.

8. Hak Mengubah Kadar Yuran dan Bayaran Lain

Pihak Universiti mempunyai hak mutlak untuk mengubah kadar yuran dan bayaran lain yang ditetapkan tanpa notis terlebih dahulu kepada pelajar.

9. Tempoh Menjelaskan Yuran dan Bayaran Lain

Pelajar hendaklah mendaftar untuk mengekalkan status 'AKTIF' pada setiap sesi yang ditetapkan oleh program pengajian dengan membayar yuran pengaktifan status akademik dan bayaran lain yang ditetapkan untuk kursus-kursus yang didaftarkannya dalam sesuatu tempoh yang ditetapkan oleh Universiti dari permulaan Sesi Akademik.

10. Kegagalan Menjelaskan Yuran dan Bayaran Lain

Pelajar yang tidak menjelaskan semua yuran dan bayaran lain yang ditetapkan dalam sesuatu tempoh yang ditetapkan oleh Universiti boleh dihalang daripada menduduki peperiksaan bagi Sesi Akademik berkenaan atau statusnya sebagai pelajar Universiti ditamatkan.

BAHAGIAN V
TEMPOH PROGRAM PENGAJIAN

11. Tempoh Program Pengajian

Pelajar hendaklah mengikuti dan menamatkan program pengajian dalam tempoh yang ditetapkan.

12. Tempoh Minimum dan Tempoh Maksimum Program Pengajian

Tempoh minimum dan maksimum bagi menyempurnakan program pengajian adalah minimum tiga (3) tahun dan maksimum tujuh (7) tahun.

13. Penggantungan Program Pengajian Pelajar

Tempoh penggantungan pengajian pelajar yang dikenakan hukuman di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 tidak boleh diambilkira dalam tempoh maksimum program pengajian.

BAHAGIAN VI
STRUKTUR PROGRAM PENGAJIAN

14. Struktur Program Pengajian

Pelajar dikehendaki mengikuti dan memenuhi jumlah unit/kredit keseluruhan yang ditetapkan bagi program pengajian seperti mana yang diluluskan oleh Senat dari semasa ke semasa.

15. Penilai Luar Program

Penilai Luar Program bagi program Sarjana Muda Jurisprudens dan Sarjana Muda Jurisprudens (Eksternal) hendaklah dilantik oleh Timbalan Naib Canselor yang berkenaan atas perakuan jawatankuasa khas bagi –

- (1) Memastikan sesuatu program pengajian ijazah yang dianugerahkan adalah setanding dan konsisten dengan program yang sama yang ditawarkan oleh universiti-universiti terkemuka dunia;
- (2) Mengesahkan bahawa program pengajian menepati tahap dan keperluan standard program yang ditetapkan;
- (3) Memastikan kaedah penaksiran dan penilaian adalah bersesuaian, adil dan munasabah serta dikendalikan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Universiti; dan
- (4) Menjamin kualiti program akademik.

16. Komponen Kursus

Program pengajian hendaklah mengandungi tiga komponen kursus, iaitu Kursus Universiti, Kursus Teras dan Kursus Elektif. Bagi maksud Kaedah-Kaedah ini –

- (1) “Kursus Universiti” bermaksud kursus-kursus yang ditetapkan oleh Universiti bagi program pengajian sebagai kursus yang wajib diikuti oleh setiap pelajar;
- (2) “Kursus Teras” bermaksud kursus-kursus yang ditentukan oleh Fakulti sebagai kursus yang wajib diikuti oleh pelajar yang terdiri daripada kursus Teras Fakulti;
- (3) “Kursus Elektif” bermaksud kursus-kursus yang ditentukan oleh Fakulti sebagai kursus yang boleh dipilih oleh pelajar yang terdiri daripada kursus Elektif Fakulti.

BAHAGIAN VII **PEPERIKSAAN**

17. Jenis peperiksaan

Peperiksaan bagi program pengajian boleh dibuat secara tugas kursus dan peperiksaan akhir serta kaedah penilaian lain seperti mana yang diluluskan oleh Senat atas perakuan Fakulti.

18. Jawatankuasa Pemeriksa

Jawatankuasa Pemeriksa bagi program pengajian hendaklah dilantik oleh Fakulti.

BAHAGIAN VIII **PENGURNIAAN IJAZAH**

19. Syarat Pengurniaan Ijazah

- (1) Ijazah Sarjana Muda Jurisprudens atau Ijazah Sarjana Muda Jurisprudens (Eksternal) boleh dikurniakan kepada seseorang pelajar yang telah –
 - (a) memenuhi segala kehendak Kaedah-Kaedah ini dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya;
 - (b) diperakukan supaya dikurniakan ijazah oleh Jawatankuasa Pemeriksa dan diluluskan oleh Senat;

- (c) membayar semua yuran dan/atau bayaran lain yang ditetapkan; dan
 - (d) memenuhi keperluan lain Universiti yang bukan bersifat akademik.
- (2) Walau apapun yang dinyatakan dalam subkaedah 19(1) di atas, pelajar yang mengikuti program pengajian Ijazah Sarjana Muda Jurisprudens (Eksternal):
- (a) sebelum sesi kemasukan 2014/2015 dikehendaki untuk memenuhi keperluan MUET Tahap 4 (Band 4) sebelum dianugerahkan Ijazah.
 - (b) mulai sesi kemasukan 2014/2015 hingga 2018/2019 dikehendaki untuk memenuhi keperluan MUET Tahap 4 (Band 4) sebelum mencapai 60 kredit.

BAHAGIAN IX **AM**

20. Penamatan Status Akademik Pelajar

Walaupun apapun yang dinyatakan oleh kaedah 4, 5 dan 6, Senat boleh pada bila-bila masa menggunakan budi bicaranya untuk menamatkan status akademik mana-mana pelajar sekiranya –

- (1) Seseorang pelajar didapati telah memberi maklumat palsu atau tidak benar berkenaan dengan kemasukannya ke Universiti.
- (2) Pelajar tersebut tidak mampu meneruskan program pengajiannya.

Tertakluk kepada subkaedah (1) dan (2) di atas, nama pelajar tersebut hendaklah digugurkan daripada senarai daftar pelajar Universiti dan pelajar tersebut hendaklah terhenti daripada menjadi pelajar Universiti. Keputusan Senat mengenai penamatan status akademik pelajar adalah muktamad.

21. Kuasa Senat Membuat Peraturan

Senat boleh membuat peraturan-peraturan bagi maksud melaksanakan atau menguatkuasakan peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

22. Pengecualian Pemakaian

Walaupun apapun yang dinyatakan di bawah Kaedah-Kaedah ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, Senat berhak mengecualikan pemakaian Kaedah-Kaedah ini atau mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini ke atas program pengajian.

23. Pematuhan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, Statut, Kaedah-Kaedah Dan Peraturan-Peraturan Universiti

Setiap pelajar adalah tertakluk kepada semua peruntukan yang dinyatakan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan lain yang sedia terpakai di Universiti termasuk Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999.

24. Pembatalan

Tertakluk kepada peruntukan kaedah 1(3), Kaedah-Kaedah Universiti Malaya [Ijazah Sarjana Muda (Jurisprudens)] 2014 adalah dengan ini dibatalkan.

Dibuat pada 11 April 2019

YM Tengku Datuk Dr. Mohd Azzman Shariffadeen Tengku Ibrahim
Pengerusi
Lembaga Pengarah Universiti Malaya

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 2010
KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA
(IJAZAH SARJANA MUDA JURISPRUDENS) 2019
PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI MALAYA
(IJAZAH SARJANA MUDA JURISPRUDENS) 2019

SUSUNAN PERATURAN

Peraturan	muka surat
1. NAMA, MULA BERKUATKUASA DAN PEMAKAIAN	16
2. SYARAT-SYARAT KEMASUKAN	
(1) Keperluan/Kelayakan Asas	17
(2) Syarat-syarat Lain	18
3. YURAN DAN BAYARAN LAIN	19
4. PENDAFTARAN	
(1) Pendaftaran Serentak	19
(2) Pengaktifan Status Akademik	19
(3) Pendaftaran Kursus Bagi Tujuan Menduduki Peperiksaan	21
(4) Rayuan Pendaftaran Kursus Bagi Tujuan Menduduki Peperiksaan	22
(5) Penarikan Diri	23
5. STRUKTUR PROGRAM PENGAJIAN	
(1) Nilai Kredit	24
(2) Nilai Unit	25
(3) Penawaran Dan Penyempurnaan Kursus	25
(4) Pemindahan Kredit Tanpa Gred	25
(5) Penilai Luar Program	28
(6) Pertukaran Kaedah Penyampaian Bagi Program Akademik	30
6. PEPERIKSAAN	
(1) Kebenaran Menduduki Peperiksaan	30
(2) Kaedah Penilaian Prestasi Pelajar	31
(3) Skim Penggredan	31

(4)	Pengurusan Markah Dan Gred	32
(5)	Penentuan Prestasi Akademik Pelajar	32
(6)	Tidak Hadir Peperiksaan	37
(7)	Pengurusan Gred I	37
(8)	Mengulang Kursus Yang Gagal	39
(9)	Pemeriksa-Pemeriksa	40
(10)	Hal-hal Lain Berkaitan Peperiksaan	43
7.	RAYUAN	
(1)	Rayuan Terhadap Keputusan Peperiksaan	44
(2)	Rayuan Pelanjutan Tempoh Pengajian	45
(3)	Rayuan Meneruskan Pengajian	45
(4)	Keanggotaan Jawatankuasa Rayuan Fakulti	47
8.	PENGIJAZAHAN	
(1)	Keperluan Pengijazahan	47
(2)	Penganugerahan Ijazah	48
(3)	Anugerah Aegrotat	48
9.	AM	
(1)	Pengecualian Pemakaian	49
(2)	Pembatalan Peraturan-Peraturan	49

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 2010
KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA
(IJAZAH SARJANA MUDA JURISPRUDENS) 2019
PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI MALAYA
(IJAZAH SARJANA MUDA JURISPRUDENS) 2019

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Kaedah 21, Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Ijazah Sarjana Muda Jurisprudens) 2019, Senat Universiti Malaya membuat peraturan-peraturan seperti berikut:

1. NAMA, MULA BERKUATKUASA DAN PEMAKAIAN

- (1) Peraturan-peraturan ini dinamakan Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Sarjana Muda Jurisprudens) 2019 [dahulunya dikenali sebagai Ijazah Sarjana Muda Jurisprudens (Eksternal)] dan hendaklah berkuatkuasa mulai Sesi Akademik 2019/2020.
- (2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai kepada semua pelajar Universiti Malaya yang mengikuti program pengajian Ijazah Sarjana Muda Jurisprudens dan Ijazah Sarjana Muda Jurisprudens (Eksternal) mulai Sesi Akademik 2019/2020.
- (3) Walau apapun yang dinyatakan dalam subperaturan (2), -
 - (a) pelajar Sesi Kemasukan 2013/2014 dan sebelumnya akan terus tertakluk kepada keperluan MUET Tahap 4 (Band 4) sebelum dianugerahkan Ijazah dan struktur program pengajian seperti yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan Ijazah Sarjana Muda Jurisprudens (Eksternal) (Peperiksaan) 2007.
 - (b) pelajar Sesi Kemasukan 2014/2015 hingga 2018/2019 dikehendaki untuk memenuhi keperluan MUET Tahap 4 (Band 4) sebelum mencapai 60 kredit dan struktur program pengajian seperti yang ditetapkan di dalam Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti Malaya [Ijazah Sarjana Muda Jurisprudens (Eksternal)] 2014.

2. SYARAT-SYARAT KEMASUKAN

(1) Keperluan/Kelayakan Asas

(a) Setiap calon yang ingin mengikuti program pengajian di Universiti hendaklah memenuhi syarat seperti berikut:

(i) Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat kepujian dalam lima (5) mata pelajaran, termasuk:

(A) Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu Kertas Julai; dan

(B) Bahasa Inggeris dan tiga mata pelajaran lain.

(aa) Keputusan di dalam perkara (B) di atas hendaklah diperolehi di dalam peperiksaan yang sama.

dan

(ii) Lulus Peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dan mendapat sekurang-kurangnya:

(A) Gred C (NGMP 2.00) dalam mata pelajaran Pengajian Am; dan

(B) Gred C (NGMP 2.00) dalam dua (2) mata pelajaran lain.

atau

(iii) Lulus Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)/Asasi Universiti Awam dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00;

atau

(iv) Lulus A Level dengan mendapat sekurang-kurangnya gred C dalam tiga (3) mata pelajaran;

atau

- (v) Memiliki kelulusan Diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia;

atau

- (vi) Memiliki kelulusan Ijazah pertama atau kelayakan yang setaraf yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

atau

- (vii) Mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang yang berkaitan.

dan

- (vii) Calon dianggap sesuai dan berkebolehan untuk mengikuti program tersebut oleh Jawatankuasa Pemilihan Kemasukan Fakulti.

- (b) Calon hendaklah mendapat sekurang-kurangnya Tahap 4 (Band 4) dalam *Malaysian University English Test (MUET)*.
- (c) Walau apapun yang dinyatakan di subperaturan 2(1)(b) di atas, pelajar yang masih belum mencapai tahap MUET seperti yang ditetapkan adalah diwajibkan untuk memenuhi keperluan tersebut dalam tempoh dua (2) sesi pengajian selepas tawaran. Pelajar yang gagal memenuhi syarat keperluan MUET akan ditamatkan pengajian.
- (d) Walau apapun yang dinyatakan di subperaturan 2(1) di atas, syarat kemasukan ke program pengajian adalah tertakluk kepada pindaan yang ditetapkan oleh Universiti dari semasa ke semasa.

(2) Syarat-syarat lain

- (a) Calon perlu mengesahkan penerimaan tawaran dan membuat pembayaran yuran kemasukan selewat-lewatnya pada tarikh yang ditetapkan oleh Fakulti.
- (b) Kegagalan mematuhi subperaturan (a) di atas boleh menyebabkan tawaran kemasukan luput.
- (c) Walau apapun yang diperuntukkan di subperaturan (a) dan (b) di atas, Dekan Fakulti boleh mempertimbangkan permohonan

perlanjutan tempoh penerimaan tawaran selewat-lewatnya sebelum tarikh pendaftaran pelajar baharu yang ditetapkan oleh Fakulti.

3. YURAN DAN BAYARAN LAIN

- (1) Pelajar hendaklah menjelaskan segala yuran dan bayaran lain kepada Universiti sepertimana yang ditetapkan.
- (2) Pelajar yang gagal menjelaskan mana-mana yuran dan/atau bayaran lain tidak akan dibenarkan menduduki peperiksaan program pengajian.
- (3) Semua yuran yang telah dibayar mengikut Peraturan 3(1) tidak akan dikembalikan.

Walau apapun yang dinyatakan dalam subperaturan (3) di atas, calon yang telah menjelaskan bayaran yuran kemasukan tetapi memohon untuk menolak tawaran sebelum tarikh pendaftaran boleh dikembalikan sebahagian bayaran seperti yang ditetapkan oleh Universiti.

- (4) Pendaftaran seorang pelajar boleh ditamatkan sekiranya gagal mematuhi Peraturan 3(1).

4. PENDAFTARAN

(1) Pendaftaran Serentak

- (a) Pelajar tidak dibenarkan mendaftar serentak untuk program pengajian lain yang membawa kepada penganugerahan sesuatu diploma/ijazah pertama/ijazah tinggi di Universiti atau di institusi atau universiti lain.
- (b) Walau apapun yang dinyatakan di subperaturan (a) di atas, pelajar dibenarkan mendaftar serentak dalam keadaan di mana Universiti mengadakan program kerjasama dengan universiti atau institusi lain yang membawa kepada penganugerahan sesuatu ijazah.
- (c) Mana-mana pelajar yang didapati melanggar subperaturan (a) di atas boleh ditamatkan dari program pengajian tanpa pembayaran balik yuran dan/atau bayaran lain yang telah dibayar.

(2) Pengaktifan Status Akademik

- (a) Sesi Kemasukan 2019/2020 dan seterusnya sahaja

- (i) Pelajar hendaklah mengaktifkan status akademik dengan membayar yuran pengaktifan status akademik yang ditetapkan oleh Universiti pada permulaan setiap sesi.
 - (ii) Pelajar ~~dikehendaki diberi tempoh selama empat (4) minggu dari tarikh permulaan sesi untuk~~ menyempurnakan pendaftaran pengaktifan status akademik ~~dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti.~~ (kelulusan Senat 22.07.2021)
 - (iii) Kegagalan mematuhi subperaturan (ii) di atas boleh menyebabkan status akademik pelajar diluputkan.
- (b) Sesi Kemasukan 2018/2019 dan sebelumnya sahaja
- (i) Tertakluk kepada subperaturan (vii) di bawah, pelajar hendaklah mengaktifkan status akademik dengan membayar yuran pengaktifan status akademik yang ditetapkan oleh Universiti pada permulaan setiap sesi.
 - (ii) Pelajar ~~diberi tempoh selama empat (4) minggu dari tarikh permulaan sesi untuk~~ ~~dikehendaki~~ menyempurnakan pendaftaran pengaktifan status akademik ~~dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti.~~ (kelulusan Senat 22.07.2021)
 - ~~(iii) Pelajar yang gagal menyempurnakan pendaftaran pengaktifan status akademik seperti yang dinyatakan dalam subperaturan (ii) di atas perlu memohon secara bertulis kepada Dekan Fakulti untuk permohonan pendaftaran lewat mereka sebagai pelajar tidak lewat daripada minggu ke lapan (8) dalam sesi berkenaan.~~ (kelulusan Senat 22.07.2021)
 - (iii) Kegagalan mematuhi subperaturan (ii) di atas boleh menyebabkan status akademik pelajar diluputkan.
 - (iv) Pelajar yang diluputkan status akademik di bawah subperaturan (iii) di atas, boleh mengemukakan rayuan bagi mengaktifkan semula status akademik mereka kepada Dekan Fakulti untuk dipertimbangkan tidak lewat daripada minggu ke empat belas (14).
 - (v) Pelajar yang diluluskan untuk mengaktifkan semula status akademik mereka akan dikenakan bayaran pentadbiran seperti yang ditetapkan oleh Universiti.

- (vi) Pelajar yang mengikuti program pengajian Ijazah Sarjana Muda Jurisprudens (Eksternal) Sesi Kemasukan 2013/2014 dan sebelumnya yang telah menyempurnakan kesemua kursus Universiti, Teras dan Elektif bagi program pengajian tetapi belum mencapai MUET pada Tahap 4 (Band 4) hendaklah mengaktifkan status akademik mereka dengan menjelaskan yuran pengaktifan status akademik.

(3) Pendaftaran Kursus Bagi Tujuan Menduduki Peperiksaan

- (a) Pelajar hendaklah mendaftar dan membayar yuran pengajian yang ditetapkan oleh Universiti pada permulaan setiap sesi.
- (b) Pelajar hendaklah mendaftar sekurang-kurangnya empat (4) kursus tetapi tidak melebihi tujuh (7) kursus bagi setiap sesi. Bagi maksud memenuhi keperluan pengijazahan seseorang pelajar yang berbaki tiga (3) atau kurang kursus boleh memohon untuk mendaftar kurang daripada bilangan minimum kursus yang ditetapkan dengan mengemukakan permohonan kepada Penyelaras Program sebelum atau pada tarikh yang ditetapkan.
- (c) Walau apapun yang diperuntukkan oleh subperaturan (b) di atas, jumlah kredit maksimum yang boleh didaftar oleh pelajar dalam mana-mana sesi pengajian adalah tidak melebihi lima puluh satu (51) kredit.
- (d) Pelajar hendaklah mendaftar kursus berdasarkan struktur program pengajiannya.
- (e) Pelajar ~~dikehendaki diberi tempoh selama empat (4) minggu dari tarikh permulaan Sesi Akademik untuk~~ menyempurnakan pendaftaran kursus ~~dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti.~~
(kelulusan Senat 22.07.2021)
- (f) Selepas tempoh di subperaturan (e) di atas, pelajar tidak dibenarkan mendaftar kursus dan menduduki peperiksaan bagi sesi berkenaan. Sesi tersebut akan diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh maksimum pengajiannya.
- (g) ~~Pelajar tidak dibenarkan menarik diri dari kursus selepas membuat pengesahan pendaftaran.~~ (kelulusan Senat 22.07.2021)

(h) Permohonan penarikan diri dari sesi pengajian berikut hendaklah dikemukakan kepada Dekan Fakulti tidak lewat daripada minggu ke sepuluh (10) dalam sesi berkenaan.

~~(i) penarikan diri dari kursus; atau~~

~~(ii) penarikan diri dari sesi pengajian.~~ (kelulusan Senat 22.07.2021)

Bayaran pentadbiran akan dikenakan bagi tujuan memproses permohonan di atas.

(4) Rayuan Pendaftaran Kursus Bagi Tujuan Menduduki Peperiksaan

(a) Bagi pelajar Sesi Kemasukan 2018/2019 dan sebelumnya, sekiranya pelajar gagal menyempurnakan pendaftaran kursus seperti yang dinyatakan dalam subperaturan 3(e) di atas, ~~perlu memohon secara bertulis kepada Dekan Fakulti tidak tidak lewat daripada minggu ke sepuluh (10) dalam sesi berkenaan.~~ pelajar tidak dibenarkan mendaftar kursus dan menduduki peperiksaan bagi sesi berkenaan. Sesi tersebut akan diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh maksimum pengajiannya.

~~(b) Bayaran pentadbiran akan dikenakan bagi tujuan memproses permohonan rayuan di subperaturan (a) di atas.~~

~~(c) Selepas tempoh di subperaturan (a) di atas, pelajar tidak dibenarkan mendaftar kursus dan menduduki peperiksaan bagi sesi berkenaan. Sesi tersebut akan diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh maksimum pengajiannya.~~

~~(d) Permohonan berikut hendaklah dikemukakan kepada Dekan Fakulti tidak lewat daripada minggu ke sepuluh (10) dalam sesi berkenaan:~~

~~(i) penambahan pendaftaran kursus.~~

~~Bayaran pentadbiran akan dikenakan bagi tujuan memproses permohonan di atas.~~

(kelulusan Senat 22.07.2021)

(5) Penarikan Diri

(a) Penarikan diri dari kursus

(i) Penarikan diri dari kursus **ertinya penarikan bermakna menarik** diri **dari satu (1) lebih** daripada kursus yang telah didaftarkan untuk menduduki peperiksaan. Walau bagaimana pun, pelajar adalah tertakluk kepada syarat pendaftaran minimum kursus yang ditetapkan di subperaturan (3)(b) di atas melainkan atas alasan perubahan/kepentingan perkhidmatan atau alasan-alasan lain yang diterima oleh Fakulti yang boleh dipertimbangkan oleh Dekan Fakulti.
(kelulusan Senat 22.07.2021)

(ii) Permohonan untuk penarikan diri dari kursus hendaklah dikemukakan kepada Dekan Fakulti tidak lewat daripada minggu ke sepuluh (10) dari sesi berkenaan.

~~(iii) Permohonan selepas minggu ke sepuluh (10) sehingga minggu peperiksaan hanya dibenarkan atas alasan perubahan/kepentingan perkhidmatan atau atas alasan-alasan lain yang diterima oleh Fakulti yang boleh dipertimbangkan oleh Dekan Fakulti.~~ (kelulusan Senat 22.07.2021)

(iii) Pelajar yang diluluskan penarikan diri daripada kursus di bawah subperaturan (ii): ~~dan (iii):~~ (kelulusan Senat 22.07.2021)

(A) yuran pengajian yang telah dibayar tidak akan dikembalikan; dan

(B) akan dikenakan bayaran pentadbiran untuk setiap kursus atas suatu kadar yang ditetapkan oleh Universiti.

(b) Penarikan diri dari sesi

(i) Penarikan diri dari sesi bermakna menarik diri dari semua kursus yang didaftarkan bagi sesi berkenaan atau penarikan diri dari mengikuti program pengajian bagi sesi berkenaan.

(ii) Permohonan untuk penarikan diri dari sesi hendaklah dikemukakan kepada Dekan Fakulti tidak lewat daripada minggu ke sepuluh (10) sesi berkenaan atas alasan perubahan/kepentingan perkhidmatan atau alasan-alasan lain

yang diterima oleh Fakulti yang boleh dipertimbangkan oleh Dekan Fakulti.

- (iii) Pelajar yang diluluskan penarikan diri daripada sesi di bawah subperaturan (ii):
 - (A) yuran pengajian yang telah dibayar akan dikembalikan; dan
 - (B) akan dikenakan bayaran pentadbiran yang ditetapkan oleh Universiti.
 - (C) sesi tersebut akan diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh maksimum pengajiannya.
 - (iv) Sekiranya permohonan tidak diluluskan, pelajar dikehendaki meneruskan pengajiannya bagi kursus-kursus berkenaan. Pelajar akan diberikan Gred F sekiranya tidak mengikuti semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta menduduki peperiksaan akhir.
- (c) Penarikan diri dari Universiti
- (i) Penarikan diri dari Universiti bermakna penarikan diri dari program pengajian.
 - (ii) Permohonan untuk penarikan diri dari Universiti hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Dekan Fakulti dan segala yuran dan/atau bayaran lain tidak akan dikembalikan.

5. Struktur Program Pengajian

(1) Nilai Kredit

Pengiraan sistem kredit yang digunakan bagi pelajar Sesi Kemasukan 2010/2011 dan seterusnya adalah berasaskan beban sebenar jam pembelajaran pelajar yang meliputi semua jenis aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang diperlukan untuk mencapai hasil pembelajaran kursus yang ditetapkan. Berdasarkan sistem ini, setiap kursus ditetapkan nilai kredit mengikut pengiraan 40 jam pembelajaran nosional bersamaan 1 kredit.

(2) Nilai Unit

Pengiraan sistem unit yang digunakan bagi pelajar Sesi Kemasukan 2009/2010 dan ke bawah adalah berasaskan satu kursus bersamaan satu unit.

(3) Penawaran Dan Penyempurnaan Kursus

- (a) Fakulti akan menentukan kursus-kursus yang ditawarkan dalam mana-mana sesi. Setiap kursus baharu boleh ditawarkan setelah mendapat kelulusan Senat.
- (b) Setiap kursus yang ditawarkan hendaklah diselesaikan dan diperiksa dalam satu sesi yang sama.
- (c) Tempoh minimum dan maksimum bagi menyempurnakan program pengajian adalah:
 - (i) Tiga (3) tahun minimum dan tujuh (7) tahun maksimum.
- (d) Struktur Program Pengajian hendaklah seperti mana yang ditentukan oleh Fakulti dan diluluskan oleh Senat.

(4) Pemindahan Kredit Tanpa Gred

- (a) “Pemindahan kredit tanpa gred” bermakna pemindahan kredit tanpa membawa gred terdahulu yang diperolehi bagi kursus dari -
 - (i) tahap kelayakan yang rendah (*vertical*) untuk pelajar yang telah tamat pengajian dengan jayanya; dan/atau
 - (ii) tahap kelayakan yang sama (*horizontal*) untuk pelajar yang -
 - (A) telah tamat pengajian dengan jayanya; atau
 - (B) tidak menyempurnakan pengajian (tidak termasuk pelajar yang ditamatkan daripada program pengajian) tetapi telah mencapai tahap kompetensi dalam kursus yang dipohon.
- (b) Kursus yang diluluskan pemindahan kredit tanpa gred akan diberi gred K dan kredit tidak perlu diganti dengan kursus lain. Kredit tidak diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK namun diambilkira bagi tujuan penyempurnaan pengijazahan.

- (c) Pelajar tidak dibenarkan membuat pemindahan kredit tanpa gred bagi kursus berikut:
- (i) Kursus Universiti dari tahap kelayakan yang lebih rendah **kecuali bagi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban serta Kursus Falsafah dan Isu Semasa**; dan (kelulusan Senat 24.06.2021)
 - (ii) Kursus dari tahap kelayakan yang lebih tinggi.
- (d) Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Penyelaras Program tidak lewat daripada empat (4) minggu dari tarikh pendaftaran kemasukan.
- (e) Pemindahan kredit hendaklah berasaskan kepada pemetaan kursus yang diambil terdahulu dengan kursus yang ditawarkan di Universiti.
- (f) **Pemindahan kredit tidak terpakai secara automatik kepada kursus pra-syarat (jika ada) daripada kursus yang dipohon.** (kelulusan Senat 26.11.2020)
- (g) Kebenaran untuk pemindahan kredit bagi subperaturan (4) di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (i) **markah, atau gred atau mata gred** yang diperolehi untuk kursus berkenaan setelah disetarakan dengan skim penggredan Universiti mestilah tidak kurang daripada **markah 50.00 atau gred C atau mata gred 2.00**; (kelulusan Senat 26.11.2020)
 - (ii) Kursus **atau gabungan kursus** yang diambil terdahulu mempunyai nilai kredit **atau jam nosional** yang sama atau lebih selepas penyetaraan dengan nilai kredit kursus yang ditawarkan di Universiti; (kelulusan Senat 26.11.2020)
 - (iii) Kursus yang diambil terdahulu mempunyai pertindihan sekurang-kurangnya 80% dengan kursus yang ditawarkan di Universiti;
 - (iv) Kursus yang diambil terdahulu hendaklah daripada program yang telah mendapat akreditasi/pengiktirafan dari badan berautoriti di negara berkenaan;
 - (v) Jumlah maksimum kredit yang boleh dipindah adalah seperti berikut:

Kategori	Keterangan	Had Kredit
(A) Pemindahan kredit secara <i>horizontal</i>	(aa) Pemindahan kredit tanpa gred bagi kursus dari tahap kelayakan yang sama dari institusi atau universiti lain.	Tidak melebihi satu pertiga (1/3) daripada jumlah keseluruhan kredit program pengajian
(B) Pemindahan kredit secara <i>vertical</i>	(aa) Pemindahan kredit tanpa gred bagi kelayakan peringkat Sijil Profesional. Diploma	
	(bb) Pemindahan kredit tanpa gred bagi kelayakan peringkat Diploma.	Maksimum 50% daripada jumlah kredit program yang telah diikuti dengan ketetapan berikut: <ul style="list-style-type: none"> • 1%-30% (Gred minimum kursus ialah C) • 31%-50% (Gred minimum kursus ialah B)
	(bb) Pemindahan kredit tanpa gred bagi kelayakan peringkat Diploma Lanjutan (yang turut memiliki diploma).	Boleh dipertimbangkan pemindahan kredit melebihi satu pertiga (1/3) tertakluk kepada kelulusan Senat

(kelulusan Senat 26.11.2020)

- (h) Walau apapun yang dinyatakan dalam subperaturan (g)(v) di atas, bagi tujuan pengijazahan, jumlah maksimum kredit yang boleh dipindah dari institusi/universiti luar tidak boleh melebihi **satu pertiga (1/3)** daripada jumlah keseluruhan kredit program pengajian. (kelulusan Senat 26.11.2020)

- (i) Pemindahan kredit bagi program-program profesional adalah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh badan profesional **berkenaan**. (kelulusan Senat 26.11.2020)
- (j) Permohonan hendaklah dikemukakan bersama-sama -
 - (i) bukti bayaran yuran proses atas suatu kadar yang ditetapkan. Yuran ini tidak akan dikembalikan; dan
 - (ii) dokumen sokongan wajib **antaranya salinan sijil, keputusan peperiksaan, aktiviti pembelajaran dan penilaian**, hasil pembelajaran kursus, silibus/kandungan kursus dan skim penggredan kursus dari institusi/universiti lain **bagi permohonan pemindahan kredit**. (kelulusan Senat 26.11.2020)
- (k) Permohonan pemindahan kredit hendaklah dikemukakan untuk pertimbangan Senat setelah mendapat perakuan jawatankuasa khas yang ditetapkan.
- (l) Kursus yang telah diluluskan pemindahan kredit tidak boleh ditarik balik **atau didaftar semula** oleh pelajar **bagi maksud mempertingkatkan PNGK**. (kelulusan Senat 26.11.2020)
- (m) Keputusan permohonan pemindahan kredit pelajar akan dimaklumkan oleh **Pusat Perancangan Strategik Akademik/Pendaftar/Dekan Fakulti**. (kelulusan Senat 26.11.2020)

(5) Penilai Luar Program

- (a) **Penilai Luar Program hendaklah dilantik oleh** Timbalan Naib Canselor yang berkenaan ~~atas perakuan Jawatankuasa Induk Kurikulum hendaklah melantik~~ tidak melebihi dua (2) orang **Penilai Luar Program bagi program**. **atas perakuan Fakulti**.
- (b) **Kriteria Pelantikan Kelayakan**
 - (i) Penilai Luar Program hendaklah dilantik dari kalangan akademia ~~universiti ternama di dunia~~ yang berkelayakan, berpengetahuan dan mempunyai kepakaran dalam **bidang program** pengajian serta mempunyai pengalaman dalam pentadbiran universiti.

- (ii) Penilai Luar Program yang dilantik hendaklah dari universiti ternama di dunia yang mempunyai kedudukan dalam *QS World University Rankings* atau mempunyai subjek yang tersenarai dalam *QS World University Rankings by Subject* atau hendaklah dari Institusi Pendidikan Tinggi luar negara yang diiktiraf oleh Universiti dalam bidang pengajian berkenaan.
- (iii) Jika Penilai Luar Program pertama dilantik dari institusi pendidikan tinggi luar negara, Penilai Luar Program kedua boleh dilantik dari dalam negara.
- (iv) ~~Dalam keadaan tertentu,~~ Pelantikan pakar dari industri dalam dan/atau luar negara boleh dipertimbangkan ~~bidang pengajian boleh dilantik~~ sebagai ~~salah seorang~~ Penilai Luar Program. Pelantikan pakar dari industri untuk bidang pengajian mestilah dibuat bersama dengan seorang ahli akademik.
- (v) Bekas guru sepenuh masa Universiti boleh dilantik sebagai Penilai Luar Program dengan syarat beliau:
 - (A) mempunyai kelayakan, pengalaman dan kepakaran yang relevan dalam program ~~akademik pengajian~~;
 - (B) telah meninggalkan perkhidmatan Universiti untuk tempoh tidak kurang lima (5) tahun dari tarikh pelantikan beliau sebagai Penilai Luar Program; dan
 - (C) sedang mengajar di Institusi Pendidikan Tinggi ~~luar negara lain~~ yang setaraf dan/atau mengamalkan pengkhususan dalam bidang yang berkaitan dengan program ~~akademik pengajian~~. berkenaan.
- (vi) Profesor Emeritus atau Profesor Adjung atau ~~Profesor Pelawat atau Profesor Kehormat~~ Universiti ~~Malaya~~ tidak boleh dilantik sebagai Penilai Luar Program.
- (vii) Seseorang Penilai Luar Program boleh dilantik untuk menilai lebih daripada satu (1) tetapi tidak boleh melebihi tiga (3) program akademik bagi semua tahap pengajian.
- (viii) Timbalan Naib Canselor yang berkenaan atas perakuan Fakulti boleh menamatkan perkhidmatan seseorang Penilai Luar Program yang tidak dapat menjalankan kewajipan beliau dengan memuaskan. Penilai Luar Program yang

baharu hendaklah dilantik bagi baki tempoh pelantikan sedia ada (jika perlu).

(ix) Walau apapun yang dinyatakan dalam subperaturan (5)b(i) – (viii) di atas, kriteria pelantikan Penilai Luar Program bagi program profesional adalah tertakluk kepada ketetapan badan profesional yang berkaitan.

(c) Satu (1) sesi tempoh pelantikan Penilai Luar Program adalah selama empat (4) sesi akademik. Pelantikan Penilai Luar Program yang sama untuk kali kedua boleh dipertimbangkan setelah selang satu (1) sesi pelantikan.

(kelulusan Senat 24.06.2021)

(6) Pertukaran Kaedah Penyampaian Bagi Program Akademik

(a) Pelajar yang telah mendaftar untuk sesuatu program akademik yang ditawarkan secara konvensional atau secara pembelajaran terbuka dan jarak jauh dibenarkan untuk memohon pertukaran kaedah penyampaian.

(b) Pelajar Pertukaran daripada kaedah penyampaian secara pembelajaran terbuka dan jarak jauh kepada secara konvensional atau sebaliknya bagi program akademik yang sama boleh dipertimbangkan sekiranya program akademik tersebut ditawarkan dalam kedua-dua kaedah penyampaian.

(c) Pertukaran kaedah penyampaian program akademik hanya dibenarkan sekali sepanjang tempoh pengajian di Universiti.

(d) Walau apa pun yang dinyatakan dalam subperaturan (6) ini, dalam keadaan tertentu Timbalan Naib Canselor yang berkenaan boleh membuat keputusan sebaliknya.

(kelulusan Senat 22.07.2021)

6. PEPERIKSAAN

(1) Kebenaran Menduduki Peperiksaan

(a) Pelajar mestilah membawa Kad Pengenalan dan Kad Pendaftaran Pelajar untuk tujuan pengesahan diri bagi menduduki sesuatu peperiksaan akhir kursus yang didaftarkan.

(b) Peperiksaan akan diadakan sekali setiap sesi pada masa dan tempat yang akan ditetapkan oleh Universiti.

- (c) Pelajar boleh dihalang daripada menduduki peperiksaan jika pelajar gagal menjelaskan segala yuran dan bayaran lain sepertimana yang ditetapkan oleh Universiti.

(2) Kaedah Penilaian Prestasi Pelajar

Kaedah penilaian sesuatu kursus bergantung kepada hasil pembelajaran dan kandungan kursus berkenaan. Nisbah pemberatan penilaian sesuatu kursus adalah seperti yang diluluskan oleh Senat.

(3) Skim Penggredan

- (a) Gred rasmi program pengajian serta markah dan maksudnya adalah seperti berikut:

Markah	Gred	Mata Gred	Maksud
90.00 – 100.00	A+	4.00	Amat Cemerlang
80.00 – 89.99	A	4.00	Cemerlang
75.00 – 79.99	A-	3.70	
70.00 – 74.99	B+	3.30	Kepujian
65.00 – 69.99	B	3.00	
60.00 – 64.99	B-	2.70	
55.00 – 59.99	C+	2.30	Lulus
50.00 – 54.99	C	2.00	
45.00 – 49.99	C-	1.70	Gagal
40.00 – 44.99	D+	1.30	
35.00 – 39.99	D	1.00	
00.00 – 34.99	F	0.00	

(kelulusan Senat 22.07.2021)

- (b) Semua kursus hendaklah dinilai menggunakan Gred A+ hingga F.
- (c) Gred lulus bagi semua kursus adalah gred C.
- (d) Selain daripada gred-gred seperti yang ditunjukkan di subperaturan
- (a) di atas, gred-gred berikut boleh diberikan untuk sesuatu kursus:
- (i) (A) Gred I, boleh diberi apabila-
- (aa) Pelajar tidak mengambil peperiksaan akhir atas sebab perubatan/perikemanusiaan/ kepentingan perkhidmatan; dan/atau

- (bb) pelajar belum menyempurnakan sebahagian daripada keperluan kursus dalam sesuatu sesi atas sebab perubahan/perikemanusiaan/ Kepentingan perkhidmatan yang diterima oleh Jawatankuasa Pemeriksa Fakulti.
- (B) Gred I yang diberi hendaklah diuruskan mengikut subperaturan (7) di bawah.
 - (ii) Gred K, diberi bagi kursus yang diluluskan pemindahan kredit tanpa gred;
 - (iii) Gred W, diberi bagi kursus di mana pelajar telah menarik diri secara rasmi dari satu atau lebih kursus dalam sesuatu sesi;
 - (iv) Gred W1, diberi bagi semua kursus apabila pelajar telah menarik diri secara rasmi daripada sesi dan
 - (v) Gred W2, diberi bagi semua kursus apabila pelajar telah menarik diri secara rasmi daripada Universiti.

(4) Pengurusan Markah Dan Gred

- (a) Markah dan gred kursus hendaklah dibentangkan kepada Jawatankuasa Pemeriksa dalam tempoh enam (6) minggu daripada tarikh akhir minggu peperiksaan.
- (b) Markah dan gred muktamad sesuatu kursus bagi setiap pelajar adalah seperti yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pemeriksa.
- (c) Pendaftar bertanggungjawab menyimpan rekod rasmi pelajar dan mengeluarkan kepada setiap pelajar-
 - (i) keputusan peperiksaan sesi berkenaan; dan
 - (ii) rekod akademik pelajar selepas tamat program pengajiannya.

(5) Penentuan Prestasi Akademik Pelajar

- (a) Kaedah pengiraan PNG dan PNGK
 - (i) Prestasi akademik pelajar bagi sesuatu sesi ditentukan oleh PNG dan PNGK. PNG dikira dengan membahagikan jumlah mata gred yang diperolehi dengan jumlah kredit yang diambil dalam sesuatu sesi.

- (ii) PNGK dikira dengan membahagikan jumlah mata gred yang diperolehi dengan jumlah kredit bagi semua kursus yang telah diambil mulai sesi pertama sehingga sesi terkini.

Contoh Pengiraan PNG dan PNGK:

Kursus	Gred	Mata Gred	Kredit	Kredit X Mata Gred
Tahun 1				
Kursus 1	A	4.00	8	8 X 4.00 = 32.00
Kursus 2	C+	2.30	8	8 X 2.30 = 18.40
Kursus 3	C	2.00	8	8 X 2.00 = 16.00
Kursus 4	F	0.00	8	8 X 0.00 = 0.00
Jumlah			32	66.40
Kredit Kira : 32 Kredit Kira Berkumpul :32		Jumlah Mata Gred : 66.40 Jumlah Mata Gred Berkumpul : 66.40		
$\text{PNG} = 66.40/32$ $= \mathbf{2.07}$				
Kursus	Gred	Mata Gred	Kredit	Kredit X Mata Gred
Tahun 2				
Kursus 5	B+	3.30	8	8 X 3.30 = 26.40
Kursus 6	B	3.00	8	8 X 3.00 = 24.00
Kursus 7	C	2.00	8	8 X 2.00 = 16.00
Jumlah			24	66.40
Kredit Kira : 24 Kredit Kira Berkumpul :56		Jumlah Mata Gred : 66.40 Jumlah Mata Gred Berkumpul : 132.80		
$\text{PNG} = 66.40/24$ $= \mathbf{2.76}$		$\text{PNGK} = 132.80/56$ $= \mathbf{2.37}$		

- (iii) Bagi maksud subperaturan (i) dan (ii) di atas, nilai PNG dan PNGK pada sesuatu sesi tidak boleh dibundarkan tanpa melakukan sebarang pindaan markah pada mana-mana kursus yang didaftarkan pada sesi berkenaan.

- (iv) Mata gred dan kredit bagi sesuatu kursus yang diperolehi dalam sesuatu sesi hendaklah dimasukkan ke dalam pengiraan PNG dan PNGK sesi berkenaan.
 - (v) Walau apapun yang dinyatakan dalam subperaturan (i) hingga (iv) di atas, pengiraan PNGK bagi pelajar yang mengulang kursus yang gagal, mata gred terbaik akan diambil kira.
- (b) Penentuan PNG dan PNGK berdasarkan Kredit Kira dan penyempurnaan pengijazahan berdasarkan Kredit Dapat

Gred	Penentuan PNG dan PNGK		Penyempurnaan Pengijazahan
	Kredit Dapat	Kredit Kira	
A+ hingga C	Ya	Ya	Ya
C- hingga F	Tidak	Ya	Tidak
K	Ya	Tidak	Ya
I, W, W1, W2	Tidak	Tidak	Tidak

- (c) Kursus yang diberi gred I tidak akan diberi kredit sehingga gred sebenar diperolehi selepas menduduki peperiksaan yang ditetapkan.
- (d) Gred kursus bagi pelajar yang dikenakan tindakan tatatertib
- Di dalam keadaan di mana seseorang pelajar didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman di bawah kaedah 6 dan kaedah 8(a) hingga (d) Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999, markah sifar dengan gred F akan diberi bagi kursus berkenaan seperti yang telah ditentukan oleh Senat.
- (e) Keperluan minimum prestasi akademik
- (i) Pelajar hendaklah memperoleh PNG dan PNGK tidak kurang daripada 2.00 setiap sesi hingga tamat pengajiannya.
 - (ii) Mana-mana pelajar yang memperoleh PNG di bawah 2.00 dalam sesuatu sesi akan diberi keputusan Pemerhatian bagi sesi berkenaan.

(f) Ketidakjujuran Akademik

(i) Ketidakjujuran akademik boleh berlaku dalam pelbagai bentuk termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- (A) plagiat - perbuatan seseorang mengguna idea orang lain tanpa menyebut sumbernya;
- (B) petikan palsu - memetik sumber yang tidak pernah digunakan atau mengaitkan hasil kerja dengan bahan rujukan yang tidak dirujuk atau diperolehi sumbernya;
- (C) memalsukan maklumat – melakukan fabrikasi atau perubahan data untuk mengelirukan seperti mengubah data untuk mendapatkan hasil eksperimen yang lebih baik;
- (D) bersekongkol atau bersubahat - menyalin hasil kerja pelajar lain, meminta orang lain menulis tugas seseorang, atau membenarkan pelajar lain meminjam hasil kerjanya;
- (E) menipu dalam peperiksaan - membawa atau mempunyai akses terhadap buku atau apa jua bahan dalam apa jua bentuk dan format secara tidak sah semasa peperiksaan atau penilaian, atau dalam apa jua tugas yang akan digunakan oleh pensyarah/tutor/pemeriksa sebagai asas penilaian, dan
- (F) menipu kontrak (*contract cheating*) dan menyamar – hasil kerja pelajar diselesaikan oleh pihak lain, biasanya melibatkan sesuatu bayaran kepada pihak ketiga tetapi akan diserahkan sebagai hasil kerja mereka sendiri.

(ii) Mana-mana pelajar yang didapati melakukan suatu perbuatan yang terjumlah kepada ketidakjujuran akademik boleh dikenakan tindakan tatatertib oleh pihak Universiti.

(kelulusan Senat 24.06.2021)

- (g) Gagal dan Ditamatkan Pengajian
 - (i) Pelajar boleh ditamatkan daripada program pengajian sekiranya-
 - (A) memperoleh gred F sebanyak tiga kali bagi mana-mana kursus; atau
 - (B) gagal menyempurnakan keperluan program pengajian dalam tempoh maksimum yang ditetapkan.
 - (C) Gagal menyempurnakan keperluan MUET (Band 4) dalam tempoh dua (2) sesi yang ditetapkan.
 - (ii) Apabila seseorang pelajar ditamatkan daripada program pengajian, notis penamatan hendaklah dihantar kepada pelajar oleh Dekan Fakulti
- (h) Anugerah Dekan
 - (i) Pelajar yang mencapai PNG 3.70 dan ke atas bagi mana-mana sesi dan memenuhi syarat-syarat berikut akan diberi Anugerah Dekan bagi sesi berkenaan:
 - (A) Menyempurnakan sekurang-kurangnya empat kursus, tidak termasuk kursus yang kreditnya tidak diambilkira dalam pengiraan kredit kira;
 - (B) Memperolehi tidak kurang daripada gred C bagi semua kursus yang disempurnakan dalam sesi berkenaan; dan
 - (C) Tidak pernah mengulang kursus yang gagal.
 - (ii) Pelajar yang memenuhi syarat-syarat dalam subperaturan (i) di atas tetapi juga memperolehi gred I bagi mana-mana kursus dalam sesi berkenaan hanya dipertimbangkan untuk diberi Anugerah Dekan selepas gred I berkenaan ditukar kepada gred sebenar yang dicapai oleh pelajar. Dalam keadaan ini, pelajar layak diberi Anugerah Dekan secara kebelakang pada sesi berkenaan.
 - (iii) Walau apapun syarat yang ditetapkan dalam subperaturan (i) di atas, pelajar dalam tempoh pelanjutan pengajian tidak akan dipertimbangkan untuk diberi Anugerah Dekan.

(6) Tidak Hadir Peperiksaan

Tertakluk kepada peruntukan yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan ini, seseorang pelajar yang tidak hadir peperiksaan sesuatu kursus hendaklah diberi markah sifar bagi komponen peperiksaan kursus berkenaan.

(7) Pengurusan Gred I

(a) Tidak hadir Peperiksaan Akhir

(i) Di mana pelajar tidak menghadiri sebahagian atau keseluruhan peperiksaan atas sebab perubatan atau atas sebab perikemanusiaan iaitu ditimpa musibah atau kematian ibubapa serta waris terdekat seperti penjaga, anak, suami/isteri, adik beradik, datuk atau nenek atau atas sebab kepentingan perkhidmatan hendaklah mengemukakan permohonan bertulis kepada Dekan Fakulti untuk kesnya dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pemeriksa. Dalam keadaan ini, kesnya hendaklah diuruskan mengikut subperaturan (ii) di bawah. Sekiranya tidak ada permohonan bertulis diterima, kes hendaklah diuruskan mengikut subperaturan (6) di atas.

(ii) Satu permohonan bertulis seperti yang tersebut dalam subperaturan (i) di atas mestilah dikemukakan kepada Dekan Fakulti tidak lewat dari dua (2) minggu setelah tamat peperiksaan pada sesi berkenaan. Permohonan bertulis itu mestilah disertakan dengan:-

(A) Sijil cuti sakit dan laporan doktor tentang jenis penyakit dan keadaan kesihatan pelajar yang dikeluarkan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar Klinik Kesihatan Pelajar Universiti/hospital kerajaan/Pusat Perubatan Universiti Malaya/Pusat Perubatan Swasta sekiranya atas sebab perubatan. Sijil cuti sakit dan laporan doktor yang dikeluarkan oleh mana-mana klinik swasta tidak akan dipertimbangkan; atau

(B) Satu laporan daripada pegawai daerah/pegawai polis yang menjadi ketua daerahnya jika tidak menghadiri sebahagian atau keseluruhan peperiksaan disebabkan oleh sebab perikemanusiaan seperti yang tersebut di atas.

- (C) Surat majikan tentang arahan melaksanakan tugas/tugasan pada tarikh peperiksaan berkenaan dijalankan atau arahan Pihak Berkuasa untuk melaksanakan sesuatu kewajipan dan/atau tugas pada tarikh peperiksaan berkenaan dijalankan. Pihak Berkuasa bermaksud sesuatu badan yang diberi kuasa oleh undang-undang untuk mengeluarkan arahan itu.
- (iii) Setelah menerima satu permohonan bertulis seperti yang tersebut dalam subperaturan (i) dan (ii) di atas, Dekan Fakulti hendaklah melaporkan perkara itu kepada Jawatankuasa Pemeriksa. Jawatankuasa Pemeriksa, setelah menimbang kes itu, boleh memutuskan sama ada:
 - (A) pelajar diberi markah sifar untuk komponen peperiksaan akhir bagi kursus yang tidak dihadirinya; atau
 - (B) pelajar diberi gred I bagi kursus yang tidak dihadirinya.
- (iv) Dalam keadaan di mana pelajar diberi gred I seperti yang dinyatakan dalam subperaturan (3)(d)(i)(A)(aa) di atas, pelajar dibenarkan menduduki peperiksaan untuk menebus gred I tersebut pada peperiksaan sesi berikutnya kecuali dalam keadaan di mana pelajar telah dibenarkan menarik diri daripada sesi yang berkenaan.
- (b) Tidak Menyempurnakan Sebahagian Keperluan Kursus
 - (i) Di mana pelajar belum menyempurnakan sebahagian daripada keperluan mana-mana kursus dalam sesuatu sesi seperti dinyatakan dalam subperaturan (3)(d)(i)(A)(bb) di atas, satu permohonan bertulis mestilah dikemukakan kepada Dekan Fakulti selewat-lewatnya sebelum peperiksaan akhir Universiti bermula dan disertakan dengan dokumen seperti di subperaturan (a)(ii)(A), (B) dan (C) bagi alasan perubahan/perikemanusiaan/kepentingan perkhidmatan.
 - (ii) Bagi maksud subperaturan (i) di atas, pelajar dikehendaki menyempurnakan sebahagian keperluan kursus berkenaan selewat-lewatnya pada minggu peperiksaan sesi berikutnya kecuali diluluskan penarikan diri daripada sesi tersebut.

- (c) Dalam keadaan di mana pelajar diberi gred I seperti yang dinyatakan di dalam subperaturan (3)(d)(i) di atas:
- (i) Pelajar tidak dikenakan sebarang yuran;
 - (ii) Pelajar yang tidak mengambil peperiksaan kursus berkenaan seperti dalam subperaturan (7)(a)(iv) dan/atau menyempurnakan sebahagian keperluan kursus berkenaan pada tempoh yang ditetapkan, gred I untuk kursus tersebut akan dipinda ke gred sebenar berdasarkan pencapaian pelajar bagi komponen lain kursus berkenaan; dan
 - (iii) Pelajar tidak dibenarkan mengulang kursus berkenaan dalam apa-apa keadaan sekalipun sehingga gred I tersebut digugurkan.
 - (iv) Pelajar yang lulus peperiksaan seperti dalam subperaturan (7)(a)(iv) dan/atau telah menyempurnakan sebahagian keperluan kursus berkenaan, gred yang diperolehi akan diberi bagi menggantikan gred I pada sesi di mana pelajar mendapat gred I tersebut.
- (d) Jawatankuasa Pemeriksa tidak boleh dalam apa keadaan sekalipun mengambil kira sebarang rayuan bertulis yang dikemukakan oleh pelajar setelah Jawatankuasa Pemeriksa membuat keputusannya.
- (e) Walau apapun yang dinyatakan di subperaturan (d) di atas, sebarang rayuan bertulis hanya boleh diambil kira untuk tujuan mengkaji semula keputusan Jawatankuasa Pemeriksa mengenai penamatan program pengajian atau pengijazahan pelajar.

(8) Mengulang Kursus Yang Gagal

- (a) Pelajar yang gagal mana-mana Kursus Universiti dan Kursus Teras dikehendaki mengulang kursus yang sama sehingga mencapai sekurang-kurangnya gred lulus tertakluk kepada had tempoh pengajian maksimum. Mata gred terbaik akan diambil kira bagi pengiraan PNGK.
- (b) Pelajar yang gagal mana-mana Kursus Elektif boleh mengulang kursus yang sama atau mengambil kursus lain dalam kategori kursus yang sama sebagai ganti kursus yang gagal.

Pengiraan PNGKnya adalah seperti berikut:

- (i) Bagi pelajar yang mengulang kursus yang sama, mata gred terbaik akan diambilkira; dan
 - (ii) Bagi pelajar yang mengambil kursus lain sebagai ganti, mata gred bagi kursus berkenaan diambilkira secara kumulatif.
- (c) Walau apapun yang dinyatakan dalam subperaturan (a) dan (b) di atas, sekiranya pelajar memperoleh gred F sebanyak tiga kali bagi kursus yang sama, pelajar akan ditamatkan daripada program pengajiannya di Universiti.
- (d) Peperiksaan Tambahan
- (i) Peperiksaan Tambahan boleh diadakan pada sesuatu sesi bagi pelajar yang gagal satu (1) kursus sahaja untuk memenuhi keperluan pengijazahan.
 - (ii) Pelajar hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Dekan Fakulti untuk menduduki Peperiksaan Tambahan seperti yang diperuntukkan di bawah subperaturan (d)(i).
 - (iii) Walau apapun yang dinyatakan dalam subperaturan (i) dan (ii) di atas, pelajar sebelum Sesi Kemasukan 2014/2015 dikehendaki mencapai sekurang-kurangnya Tahap 4 (Band 4) MUET sebelum dibenarkan menduduki Peperiksaan Tambahan.
 - (iv) Yuran Peperiksaan Tambahan akan dikenakan menurut kadar yang ditetapkan oleh Universiti.

(9) Pemeriksa-Pemeriksa

- (a) Pemeriksa Dalam
- (i) Fakulti boleh melantik guru sepenuh masa atau sambilan Universiti menjadi Pemeriksa Dalam, untuk sebarang kursus atau peperiksaan atau sebahagian daripada kursus atau peperiksaan seperti yang ditetapkan oleh Senat.
 - (ii) Sekiranya berlaku kecemasan, Dekan Fakulti boleh melantik Pemeriksa Dalam dengan syarat bahawa pelantikan demikian hendaklah dilaporkan kepada Fakulti secepat mungkin.
- (b) Jawatankuasa Pemeriksa

- (i) Penubuhan Jawatankuasa Pemeriksa
 - (A) Fakulti hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Pemeriksa untuk setiap program pengajian pada setiap sesi akademik.
 - (B) Tertakluk kepada kuasa Senat, Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah mempertimbangkan keputusan peperiksaan dan menjalankan apa-apa kuasa lain yang diberi kepadanya menurut peruntukan peraturan-peraturan yang berkenaan.
- (ii) Keanggotaan Jawatankuasa Pemeriksa
 - (A) Keanggotaan Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah seperti berikut:
 - (aa) Naib Canselor sebagai ahli ex-officio;
 - (bb) Dekan Fakulti, sebagai Pengerusi dengan syarat bahawa Naib Canselor hendaklah mempengerusikan apabila ia hadir dalam mana-mana mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa;
 - (cc) Timbalan Dekan Fakulti;
 - (dd) Penyelaras program pengajian;
 - (ee) Mana-mana Pemeriksa Dalam; dan/atau
 - (ff) Mana-mana orang lain seperti yang dilantik oleh Senat.
 - (B) Sekiranya berlaku kecemasan, Naib Canselor boleh melantik sesiapa juga sebagai ahli sesuatu Jawatankuasa Pemeriksa kecuali sepertimana yang diperuntukkan sebaliknya di bawah Peraturan-Peraturan ini dengan syarat bahawa pelantikan demikian hendaklah dilaporkan kepada Senat secepat mungkin.
 - (C) Jika Dekan Fakulti tidak dapat menjalankan kewajibannya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemeriksa, Timbalan Dekan yang bertanggungjawab

untuk urusan Ijazah Pertama boleh menjalankan kewajipan Dekan Fakulti sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemeriksa.

(D) Pendaftar atau wakilnya hendaklah menjadi Setiausaha kepada Jawatankuasa Pemeriksa.

(iii) Kuasa Jawatankuasa Pemeriksa

(A) Jawatankuasa Pemeriksa diberi kuasa oleh Senat untuk menentukan perkara-perkara berikut:

(aa) Status prestasi pelajar, sama ada;

(AA) lulus dan dibenarkan meneruskan pengajian;

(BB) lulus dan layak dianugerahkan Ijazah;

(CC) gagal dan ditamatkan pengajian seperti yang diperuntukkan di subperaturan (5)(f)(i); atau

(DD) mendapat gred I dan dibenarkan mengambil peperiksaan yang ditetapkan.

~~(bb) Penambahan markah;~~

(kelulusan Senat 22.07.2021)

(bb) Penangguhan keputusan peperiksaan; atau

(cc) Pindaan markah dan/atau gred yang diperakukan oleh Jawatankuasa Rayuan Fakulti.

(B) Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah memperakukan kepada Senat pelajar yang lulus dan layak dianugerahkan Ijazah seperti dalam subperaturan (BB) di atas.

(C) Jawatankuasa Pemeriksa boleh melaporkan kepada Senat melalui Fakulti mengenai apa-apa perkara yang berkaitan dengan suatu peperiksaan.

- (iv) Korum untuk mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa adalah terdiri daripada Pengerusi dan satu pertiga daripada keahlian Jawatankuasa Pemeriksa yang dilantik.

(10) Hal-hal Lain Berkaitan Peperiksaan

- (a) Pengawas peperiksaan

Pengawas peperiksaan hendaklah dilantik bagi setiap peperiksaan dan adalah bertanggungjawab kepada Naib Canselor.

- (b) Arahan am peperiksaan

Tertakluk kepada peruntukan yang terkandung di dalam Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Ijazah Sarjana Muda Jurisprudens) 2019, setiap peperiksaan yang dijalankan oleh Universiti adalah tertakluk kepada arahan am peperiksaan seperti yang dinyatakan di Jadual A kepada Peraturan ini.

- (c) Sakit semasa menduduki peperiksaan

Pelajar yang jatuh sakit semasa menduduki peperiksaan hendaklah melaporkan kepada Ketua Pengawas Peperiksaan atau mana-mana Pengawas Peperiksaan yang harus menguruskan supaya pelajar itu diperiksa dengan serta merta oleh Pengamal Perubatan Berdaftar Klinik Kesihatan Pelajar Universiti. Pelajar dikehendaki mengemukakan laporan Pengamal Perubatan Berdaftar berkenaan dan/atau sijil cuti sakit kepada Dekan Fakulti tidak lewat daripada dua (2) minggu dari tarikh pemeriksaan oleh Doktor tersebut.

- (d) Keputusan Peperiksaan

- (i) Bagi maksud Peraturan ini, keputusan bagi peperiksaan ijazah hendaklah dilaporkan untuk kelulusan Senat atau mana-mana pihak yang diturunkan kuasa oleh Senat.

- (ii) Tarikh keputusan peperiksaan rasmi adalah tarikh di mana keputusan peperiksaan dimaklumkan kepada pelajar oleh Seksyen Peperiksaan mengikut apa-apa kaedah dan/atau saluran yang ditetapkan oleh pihak Universiti.

- (e) Kerahsiaan pengurusan pemarkahan

Semua urusan yang berkaitan dengan keputusan peperiksaan adalah RAHSIA dan tidak boleh dimaklumkan kepada mana-mana

pelajar atau pihak lain yang tidak berkenaan kecuali dengan kebenaran.

7. RAYUAN

(1) Rayuan Terhadap Keputusan Peperiksaan

- (a) Pelajar yang tidak berpuas hati dengan keputusan peperiksaan termasuk komponen penilaian berterusan dan peperiksaan akhir kursus boleh membuat rayuan seperti di subperaturan (b) di bawah untuk keputusan tersebut disemak semula. Rayuan hendaklah dibuat dalam tempoh **tujuh (7) hari dua (2) minggu** dari tarikh pengumuman rasmi keputusan peperiksaan. (kelulusan Senat 22.07.2021)
- (b) Rayuan hendaklah dikemukakan kepada Dekan Fakulti dengan menggunakan borang dan membuat bayaran seperti yang ditetapkan.
- (c) Rayuan tidak akan dipertimbangkan sekiranya:
 - (i) dikemukakan selepas tempoh yang dinyatakan dalam subperaturan (a) di atas; dan/atau
 - (ii) borang rayuan tidak diisi dengan lengkap; dan/atau
 - (iii) tidak dikemukakan bersama-sama dengan bayaran yang ditentukan.
- (d) Apabila sesuatu rayuan diterima, Dekan Fakulti hendaklah melantik pemeriksa kedua bagi kursus berkenaan. Pemeriksa asal dan pemeriksa kedua yang dilantik hendaklah menyemak semula skrip jawapan tersebut dan melaporkan hasil semakan semula kepada Jawatankuasa Rayuan Fakulti.
- (e) Jawatankuasa tersebut akan memutuskan sama ada markah dan/atau gred pelajar tersebut dikekalkan atau dipinda. Pemeriksa asal dan pemeriksa kedua yang berkenaan boleh menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Rayuan Fakulti sekiranya diperlukan.
- (f) Jawatankuasa Rayuan Fakulti hendaklah memperakukan mana-mana pindaan markah dan/atau gred pelajar kepada Jawatankuasa Pemeriksa untuk kelulusan.

(2) Rayuan Pelanjutan Tempoh Pengajian

- (a) Pelajar yang sedang berada dalam tempoh satu sesi sebelum sesi terakhir tempoh maksimum pengajiannya tetapi masih belum menyempurnakan keperluan pengijazahan bagi program pengajiannya boleh mengemukakan rayuan kepada Dekan Fakulti.
- (b) Rayuan pelanjutan tempoh pengajian akan hanya dipertimbangkan untuk kali pertama sehingga kali ketiga sahaja oleh Jawatankuasa Rayuan Fakulti.
- (c) Rayuan kali keempat yang diperakukan oleh Jawatankuasa Rayuan Fakulti hendaklah dikemukakan untuk pertimbangan Jawatankuasa Rayuan Universiti.
- (d) Keputusan rayuan untuk kali pertama sehingga kali ketiga hendaklah dimaklumkan oleh Dekan Fakulti dan keputusan rayuan kali keempat hendaklah dimaklumkan kepada pelajar oleh Pengerusi Jawatankuasa Rayuan Universiti dan keputusan ini adalah muktamad.

(3) Rayuan Meneruskan Pengajian

- (a) Luput dan ditamatkan pengajian
 - (i) Pelajar yang status akademiknya direkodkan sebagai Luput dan ditamatkan pengajiannya menurut peraturan 4(2)(a)(iii) dan (b)(iv) boleh mengemukakan rayuan kepada Dekan Fakulti untuk meneruskan pengajian.
 - (ii) Rayuan hendaklah dikemukakan oleh pelajar dalam tempoh dua (2) sesi bermula dari sesi di mana status akademik pelajar direkodkan sebagai Luput dan ditamatkan pengajiannya.
 - (iii) Jawatankuasa Rayuan Fakulti hendaklah mempertimbangkan rayuan pelajar. Keputusan rayuan hendaklah dimaklumkan oleh Dekan Fakulti.
 - (iv) Bayaran pentadbiran akan dikenakan seperti yang ditetapkan oleh Universiti.
- (b) Gagal dan ditamatkan pengajian

Pelajar yang gagal dan ditamatkan pengajian menurut peraturan 6(5)(g) boleh mengemukakan rayuan kepada Dekan Fakulti untuk

meneruskan program pengajian. Rayuan hendaklah dikemukakan dalam tempoh satu sesi berikutnya sebaik sahaja sesi di mana program pengajiannya ditamatkan seperti berikut:

- (i) Gagal dan ditamatkan pengajian kerana pencapaian akademik
 - (A) Rayuan pelajar yang gagal dan ditamatkan pengajian untuk kali pertama sehingga kali ketiga menurut peraturan 6(5)(g)(i)(A) hendaklah dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Rayuan Fakulti.
 - (B) Rayuan kali keempat yang diperakukan oleh Jawatankuasa Rayuan Fakulti hendaklah dikemukakan untuk pertimbangan Jawatankuasa Rayuan Universiti yang ditubuhkan oleh Senat.
 - (C) Rayuan untuk diterima masuk semula hanya dipertimbangkan sekali sahaja oleh Jawatankuasa Rayuan Universiti.
 - (D) Keputusan rayuan kali pertama sehingga kali ketiga dimaklumkan oleh Dekan Fakulti dan keputusan rayuan kali keempat hendaklah dimaklumkan kepada pelajar oleh Pengerusi Jawatankuasa Rayuan Universiti dan keputusan ini adalah muktamad.
- (ii) Gagal dan ditamatkan pengajian kerana tamat tempoh pengajian
 - (A) Rayuan pelajar yang gagal dan ditamatkan pengajian menurut peraturan 6(5)(f)(i)(B) hendaklah dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Rayuan Fakulti.
 - (B) Tempoh maksimum yang boleh diberikan oleh Jawatankuasa Rayuan Fakulti adalah dua (2) sesi sahaja.
 - (C) Rayuan meneruskan pengajian hanya dipertimbangkan untuk kali pertama sehingga kali ketiga sahaja oleh Jawatankuasa Rayuan Fakulti.

- (D) Rayuan kali keempat yang diperakukan oleh Jawatankuasa Rayuan Fakulti hendaklah dikemukakan untuk pertimbangan Jawatankuasa Rayuan Universiti.
- (E) Keputusan rayuan untuk kali pertama sehingga kali ketiga hendaklah dimaklumkan oleh Dekan Fakulti dan keputusan rayuan kali keempat hendaklah dimaklumkan kepada pelajar oleh Pengerusi Jawatankuasa Rayuan Universiti dan keputusan ini adalah muktamad.

(4) Keanggotaan Jawatankuasa Rayuan Fakulti

- (a) Bagi maksud Jawatankuasa Rayuan Fakulti yang dinyatakan di subperaturan (1), (2) dan (3) di atas, keanggotaannya adalah terdiri daripada:
 - (i) Dekan Fakulti sebagai Pengerusi;
 - (ii) Timbalan Dekan yang bertanggungjawab bagi ijazah pertama;
 - (iii) Penyelaras Program; dan
 - (iv) Kakitangan akademik yang dilantik oleh Fakulti.
- (b) Jika Dekan Fakulti tidak dapat menjalankan kewajipannya atas apa-apa sebab sebagai pengerusi Jawatankuasa Rayuan Fakulti, Timbalan Dekan yang bertanggungjawab untuk urusan ijazah pertama boleh menjalankan kewajipan Dekan Fakulti sebagai pengerusi Jawatankuasa Rayuan Fakulti.
- (c) Korum untuk mesyuarat Jawatankuasa Rayuan Fakulti adalah terdiri daripada Pengerusi dan dua orang ahli lain.

8. PENGIJAZAHAN

(1) Keperluan Pengijazahan

- (a) Setiap pelajar hendaklah memenuhi keperluan berikut untuk tujuan pengijazahan:

- (i) Keperluan Kursus Universiti;
 - (ii) Keperluan Kursus Teras; dan
 - (iii) Keperluan Kursus Elektif.
- (b) Walau apapun yang dinyatakan dalam subperaturan (a) di atas, pelajar hendaklah mencapai sekurang-kurangnya keperluan Tahap 4 (Band 4) MUET sebelum dianugerahkan Ijazah.
- (c) Keperluan tempoh minimum
- Pelajar hendaklah telah menyempurnakan tempoh minimum program pengajian yang ditetapkan untuk tujuan pengijazahan.

(2) Penganugerahan Ijazah

- (a) Pelajar boleh dianugerahkan Ijazah apabila telah memenuhi keperluan program pengajian seperti yang ditetapkan dalam subperaturan (1) di atas.
- (b) Ijazah yang dianugerahkan adalah ijazah kepujian berdasarkan PNGK terakhir. Untuk melayakkan dianugerahkan ijazah Lulus Dengan Kepujian ini, pelajar hendaklah mencapai PNGK terakhir tidak kurang daripada 2.00.
- (c) Pelajar layak dianugerahkan Ijazah Lulus dengan Kepujian (Dengan Cemerlang) sekiranya-
- (i) mencapai PNGK terakhir 3.70 dan ke atas;
 - (ii) tidak pernah mendapat gred F bagi mana-mana kursus sepanjang tempoh program pengajian; dan
 - (iii) tidak pernah mengulang kursus yang gagal; dan
 - (iv) berjaya menamatkan program pengajian dalam tempoh minimum.

(3) Anugerah Aegrotat

Walaupun apapun peruntukan subperaturan (2) di atas, dalam keadaan di mana pelajar telah menyempurnakan sekurang-kurangnya dua pertiga daripada jumlah keseluruhan kredit penyempurnaan bagi program pengajiannya tetapi tidak dapat menyempurnakan program pengajiannya

atas sebab perubahan atau telah meninggal dunia, boleh dipertimbangkan untuk pemberian satu Anugerah Aegrotat. Penganugerahan hendaklah diurus sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual B kepada Peraturan ini.

9. AM

(1) Pengecualian Pemakaian

Walau apapun yang dinyatakan dibawah Peraturan-Peraturan ini, Senat berhak mengecualikan pemakaian Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini ke atas program pengajian.

(2) Pembatalan Peraturan-Peraturan

Tertakluk kepada peruntukan peraturan 1(3), Peraturan-Peraturan Universiti Malaya [Ijazah Sarjana Muda Jurisprudens (Eksternal) 2014 adalah dengan ini dibatalkan.

[Dikemaskini](#) pada [22.07.2021](#) oleh Senat Universiti Malaya.

ARAHAN AM PEPERIKSAAN

1. ARAHAN KEPADA CALON/PELAJAR PEPERIKSAAN

(1) JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN

Calon/pelajar perlu menyemak dan mengambil perhatian:

- (a) Tarikh, waktu, tempat dan mod peperiksaan kursus masing-masing seperti yang dinyatakan dalam Jadual Waktu Peperiksaan yang dipaparkan melalui laman web. Sebarang pindaan akan dipaparkan di laman web dan juga di sekitar dewan peperiksaan/PTj.
- (b) Waktu peperiksaan rasmi adalah seperti yang ditetapkan di bawah:

Bahagian Pagi (1)	:	Jam 9:00 (0900) Pagi
Bahagian Petang (2)	:	Jam 2:15 (1415) Petang
Bahagian Petang (3)	:	Jam 3:00 (1500) Petang
- (c) Sebarang pindaan Jadual Waktu Peperiksaan (sekiranya ada) yang dipaparkan di sekitar dewan peperiksaan/Fakulti.

(2) KAD PENGENALAN/PASPOT DAN KAD PENDAFTARAN PELAJAR

Calon/pelajar mestilah membawa bersama dokumen pengenalan diri (Kad Pengenalan/Pasport dan Kad Pendaftaran Pelajar) untuk melayakkan mereka menduduki peperiksaan masing-masing. Calon/pelajar yang tidak membawa sebarang dokumen pengenalan diri (Kad Pengenalan/Pasport dan Kad Pendaftaran Pelajar) akan diminta mengisi borang yang ditetapkan oleh Universiti di lokasi peperiksaan.

Sekiranya peperiksaan dijalankan dalam mod secara dalam talian, calon/pelajar hendaklah mengikuti tatacara memberikan pengenalan diri bagi maksud menduduki peperiksaan seperti mana yang ditetapkan di dalam arahan oleh Universiti atau PTj masing-masing.

(3) LARANGAN DAN TATACARA KELUAR/MASUK DEWAN PEPERIKSAAN

(a) **Calon/Pelajar TIDAK DIBENARKAN** masuk atau membawa masuk ke dalam dewan peperiksaan apa-apa perkara berikut:-

- (i) memakai apa-apa pakaian yang menutup muka **selain pelitup muka (*face mask*)**, pakaian yang tidak sopan dan tidak sesuai dengan keadaan, **contoh: berselipar, bertopi, berseluar pendek dan bersarung tangan** (kecuali pelajar perubatan di klinik dan makmal) di dewan peperiksaan;
- (ii) buku, kertas, risalah, gambar atau apa-apa dokumen atau barangan lain kecuali barang/bahan yang dibenarkan oleh Pemeriksa/Ketua Pengawas/Pengawas;
- (iii) alat komunikasi **iaitu** telefon bimbit. Sekiranya **terbawa** masuk, calon/pelajar **hendaklah memastikan ianya** dimatikan dan dimasukkan ke dalam **beg plastik yang dibekalkan** sebelum meletakkannya di bawah meja;
- (iv) alatan elektronik (termasuk yang bersarung) atau gajet seperti mesin kira (*calculator*), **jam tangan pintar (*smart watch*), ear plug, tablet, komputer riba, kamus elektronik dengan kapasiti memori**;
- (v) **barang-barang persendirian (sebarang jenis beg termasuk tas tangan, dompet, beg duit, dan sebagainya), rokok termasuk rokok elektronik (*vape*), makanan dan minuman terlarang** melainkan air minuman kosong/mineral di dalam botol kecil yang lutsinar dan hendaklah diletakkan di bawah meja peperiksaan.

Sekiranya calon/pelajar melakukan perkara atau terbawa masuk apa-apa yang disebut di para 3(a) di atas, calon/pelajar **BOLEH** diminta keluar daripada dewan peperiksaan oleh Pengawas/Ketua Pengawas sekiranya enggan berbuat demikian.

Sekiranya peperiksaan dijalankan dalam mod secara dalam talian, calon/pelajar adalah tidak dibenarkan untuk mempunyai akses kepada buku atau apa jua bahan dalam apa jua bentuk atau format atau

mempunyai akses kepada mana-mana capaian secara tidak sah melainkan seperti mana yang dibenarkan bagi kursus yang berkenaan.

- (b) Calon/pelajar **TIDAK DIBENARKAN** membawa keluar dari dewan peperiksaan apa-apa perkara berikut:-
- (i) kertas soalan dan lampiran-lampiran yang dibekalkan melainkan dengan kebenaran Pengawas/Ketua Pengawas Peperiksaan;
 - (ii) buku jawapan peperiksaan (yang telah ataupun yang belum digunakan);
 - (iii) skrip jawapan peperiksaan pelajar dan/atau kertas soalan pelbagai pilihan (MCQ);
 - (iv) bahan-bahan peperiksaan yang dibekalkan (seperti buku akta, buku log dan yang seumpamanya);
 - (v) slip kehadiran peperiksaan;

Sekiranya peperiksaan dijalankan dalam mod secara dalam talian, calon/pelajar adalah tidak dibenarkan untuk membuat salinan pendua atau memuat turun dalam apa jua bentuk dan format, soalan dan skrip jawapan peperiksaan melainkan sebagaimana yang dibenarkan atau diarahkan sewajarnya bagi kursus yang berkenaan.

- (c) Tatacara keluar/masuk dewan peperiksaan adalah seperti berikut:-
- (i) calon/pelajar **tidak dibenarkan masuk** ke dewan peperiksaan **selepas 30 minit peperiksaan dimulakan**. Walau bagaimanapun calon/pelajar yang lewat tetapi tidak lewat daripada had tempoh 30 minit tersebut boleh dibenarkan masuk dengan kebenaran Ketua Pengawas dan tidak akan diberi masa tambahan untuk peperiksaan kertas berkenaan;
 - (ii) calon/pelajar **tidak dibenarkan keluar** dewan peperiksaan dalam masa **30 minit pertama selepas peperiksaan dimulakan** DAN dalam masa **15 minit sebelum peperiksaan berakhir**;
 - (iii) calon/pelajar tidak dibenarkan masuk atau keluar dewan peperiksaan sehingga Ketua Pengawas membuat pengumuman untuk berbuat demikian.

- (iv) Calon bertanggungjawab duduk di tempat yang disediakan bagi kertas peperiksaan masing-masing.

Sekiranya peperiksaan dijalankan dalam mod secara dalam talian, calon/pelajar adalah dikehendaki mematuhi arahan yang ditetapkan mengenai kehadiran atau akses kepada pautan yang berkenaan dan tempoh masa yang ditetapkan untuk menjalani peperiksaan yang berkenaan. Kegagalan calon/pelajar untuk mematuhi arahan yang ditetapkan tersebut dan menyelesaikan peperiksaan dalam tempoh masa yang ditetapkan adalah menjadi tanggung jawab calon/pelajar kecuali calon/pelajar dapat membuktikan bahawa beliau menghadapi masalah teknikal yang di luar kawalan.

(4) ARAHAN KETIKA BERADA DI DALAM DEWAN PEPERIKSAAN

(a) Calon/Pelajar TIDAK BOLEH-

- (i) menerima apa jua buku, kertas, risalah atau gambar atau apa-apa dokumen dan alat elektronik/telekomunikasi lain daripada sesiapaupun, kecuali barang/bahan yang dibenarkan dan dibekalkan oleh Pemeriksa/Ketua Pengawas/Pengawas;
- (ii) berhubung dan berinteraksi di antara satu sama lain walau dengan apa juga cara sekalipun semasa peperiksaan dijalankan. Jika calon hendak bercakap dengan Ketua Pengawas/Pengawas, calon hendaklah mengangkat tangan;
- (iii) keluar dari dewan peperiksaan melainkan dengan kebenaran Pemeriksa/Pengawas/Ketua Pengawas. Jika calon/pelajar hendak keluar untuk ke tandas atau atas sebab-sebab tertentu tanpa kebenaran Ketua Pengawas/Pengawas. Jika calon hendak keluar untuk ke tandas, calon hendaklah mengangkat tangan. Calon/pelajar akan diiringi oleh kakitangan/pembantu peperiksaan yang dikenalpasti.

Sekiranya peperiksaan dijalankan dalam mod secara dalam talian, calon/pelajar adalah tidak dibenarkan untuk berhubung atau berkomunikasi dengan mana-mana pelajar lain atau mana-mana pihak lain, melalui apa jua cara atau medium perhubungan melainkan seperti mana dibenarkan atau diarahkan bagi kursus yang berkenaan.

- (b) Setelah berada di tempat duduk, atau setelah mempunyai akses kepada capaian atau pautan peperiksaan (bagi peperiksaan yang dijalankan dalam mod secara dalam talian), **CALON MESTILAH-**
- (i) mengisi butir-butir kehadiran pada Slip Kehadiran dan meletakkannya bersama dengan dokumen pengenalan diri di penjurukan kanan meja untuk dikutip oleh Pengawas, atau mengisi maklumat kehadiran mengikut format yang diarahkan (sekiranya peperiksaan dijalankan dalam mod secara dalam talian);
 - (ii) mematuhi segala arahan yang tercatat di muka hadapan kertas soalan dan buku jawapan dan menulis mana-mana maklumat yang dikehendaki pada buku jawapan. Semua rangka kasar jawapan hendaklah dibuat dalam buku jawapan sahaja. Calon/pelajar dilarang mengoyakkan/memisahkan mana-mana bahagian kertas daripada buku jawapan. Sekiranya peperiksaan dijalankan dalam mod secara dalam talian, calon/pelajar hendaklah mematuhi arahan untuk menjawab soalan sebagaimana yang ditetapkan.
 - (iii) **CALON/PELAJAR DILARANG MENULIS NAMA ATAU SEBARANG NOTA KEPADA PEMERIKSA PADA BUKU JAWAPAN.**

(5) ARAHAN SELEPAS TAMAT PEPERIKSAAN

- (a) **CALON/PELAJAR MESTILAH** mengambil perhatian dan tindakan berikut setelah pengumuman tamat satu-satu peperiksaan dibuat oleh Pemeriksa/Pengawas/Ketua Pengawas-
- (i) berhenti menulis;
 - (ii) mengikat buku jawapan tambahan dan sebarang kertas jawapan tambahan (jika ada) kepada buku jawapan utama; dan
 - (iii) meletakkan buku jawapan di penjurukan kanan meja peperiksaan masing-masing bagi membolehkan pengawas memungut buku jawapan tersebut.
- (b) Sekiranya peperiksaan dijalankan dalam mod secara dalam talian, calon/pelajar adalah dikehendaki menyerahkan atau

mengemukakan jawapan mengikut format atau medium dan dalam tempoh seperti mana yang ditetapkan bagi kursus yang berkenaan.

2. PENGGANTUNGAN ATAU PEMBATALAN PEPERIKSAAN

- (1) Jika Naib Canselor mempunyai sebab mempercayai bahawa keadaan atau isi mana-mana soalan peperiksaan atau kandungan mana-mana kertas soalan peperiksaan mungkin telah diketahui sebelum tarikh dan waktu peperiksaan yang sebenar oleh mana-mana orang selain daripada pemeriksa atau Jawatankuasa Pemeriksa berkenaan atau Pendaftar atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pendaftar, Naib Canselor boleh memberi perintah penggantungan peperiksaan atau pembatalan kertas soalan peperiksaan dan menyediakan kertas soalan baru.
- (2) Jika timbul satu-satu keadaan yang pada fikiran Ketua Pengawas Peperiksaan, menyebabkan perlu pembatalan atau penangguhan peperiksaan, ia hendaklah memberhentikan peperiksaan dan, dengan seberapa segera memungut kertas jawapan yang telah pun bertulis dan melaporkan perkara itu kepada Naib Canselor.
- (3) Sekiranya peperiksaan dijalankan dalam mod secara dalam talian, dan Naib Canselor berpuas hati bahawa suatu penipuan atau kebocoran telah berlaku dalam peperiksaan itu atau telah timbul kejadian yang menjadikan peperiksaan tidak adil kepada mana-mana calon/pelajar, Naib Canselor boleh memberi perintah untuk sesuatu peperiksaan yang telah berlangsung dianggap sebagai terbatal dan mengarahkan suatu peperiksaan baru diadakan atau satu bentuk penilaian lain diadakan.

3. ADUAN MENGENAI PEPERIKSAAN

- (1) Jika, pada pendapat **Pemeriksa/ Pengawas/Ketua Pengawas Peperiksaan semasa** peperiksaan, timbul kejadian yang menjadikan peperiksaan tidak adil kepada mana-mana calon/pelajar, ia hendaklah melaporkan perkara itu kepada Naib Canselor.
- (2) Seseorang calon/**pelajar** peperiksaan, guru atau mana-mana kakitangan Universiti boleh mengadu kepada Naib Canselor bahawa peperiksaan telah dijalankan secara tidak betul.
- (3) Di mana sesuatu perkara telah diadukan kepada Naib Canselor menurut perenggan (1) dan (2) di atas, ia boleh mengambil satu tindakan seperti mana yang difikirkan sesuai olehnya, dan jika ia mengarahkan bahawa satu

lagi peperiksaan patut diadakan, atau suatu bentuk penilaian lain diadakan, dan peperiksaan atau penilaian itu hendaklah dianggap sebagai peperiksaan atau penilaian yang ditetapkan di bawah mana-mana Kaedah atau Peraturan yang menguasai kursus yang berkaitan.

- (4) Sebarang aduan oleh mana-mana guru Universiti bahawa peperiksaan telah dijalankan secara tidak betul atau bahawa peruntukan mana-mana Kaedah atau Peraturan yang berkaitan telah tidak dipatuhi, hendaklah dibuat kepada Naib Canselor dan Naib Canselor hendaklah menyiasat aduan itu dan melaporkan keputusan penyiasatannya kepada Senat. Senat pula boleh mengambil tindakan seperti yang difikirkannya sesuai.

4. TINDAKAN TATATERTIB KERANA KETIDAKPATUHAN ARAHAN AM PEPERIKSAAN

Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon/pelajar yang melanggar mana-mana arahan yang dinyatakan di dalam Arahan Am Peperiksaan ini atau arahan tambahan yang dikuatkuasakan dari semasa ke semasa.

(kelulusan Senat 25.02.2021)

JADUAL B

ANUGERAH AEGROTAT

1. Di mana pelajar telah menyempurnakan sekurang-kurangnya dua pertiga keperluan bagi program pengajiannya yang memuaskan Senat, tetapi dia telah terhalang dari menyempurnakan program pengajiannya atas sebab keuzuran atau sebab-sebab yang munasabah, Senat boleh menganugerahkan Anugerah Aegrotat kepada pelajar tersebut.
2. Anugerah Aegrotat dianugerahkan tanpa kelas atau kepujian dan ia tidak semestinya melayakkan penerima untuk berdaftar dengan badan profesional, atau mengecualikannya dari keperluan kelayakan profesional, atau untuk meneruskan program akademik yang lain atau ke peringkat lain sesuatu program yang berkemungkinan berkaitan dengan program pengajian.
3. Permohonan untuk pertimbangan pemberian suatu Anugerah Aegrotat hendaklah dibuat oleh pelajar, keluarga pelajar atau waris yang sah secara bertulis kepada Dekan Fakulti tidak lewat dari satu minggu setelah selesai kertas peperiksaan akhir pelajar. Permohonan secara bertulis tersebut hendaklah disertakan bersama laporan perubatan yang dikeluarkan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar di Pusat Perubatan Universiti Malaya, hospital kerajaan atau hospital swasta.
4. Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah mengemukakan kepada Senat satu laporan mengenai kerja-kerja yang telah disempurnakan oleh pelajar tersebut di dalam program pengajiannya yang menunjukkan tanpa sebarang keraguan bahawa beliau sememangnya mampu untuk memperolehi ijazah yang berkenaan sekiranya tidak berlaku keuzuran atau sebab-sebab yang menghalang.
5. Untuk program pengajian secara kerja kursus dan mod campuran, pelajar hendaklah telah menyempurnakan dua pertiga dari jumlah kredit yang ditetapkan. Bagi program pengajian secara penyelidikan, pelajar tersebut mesti telah menyempurnakan kajian literatur, kerja makmal, kertas dan/atau penerbitan dan deraf tesis/disertasi atau lain-lain bukti yang boleh menunjukkan bahawa pelajar tersebut mampu menyempurnakan keperluan program pengajiannya sekiranya tidak berlaku keuzuran atau sebab-sebab yang menghalang.
6. Tiada pelajar boleh dianugerahkan Anugerah Aegrotat lebih dari sekali.
7. Sekiranya pelajar meninggal dunia sebelum menyempurnakan program pengajiannya, Senat boleh, atau atas perakuan Jawatankuasa Pemeriksa yang berkenaan dan syarat-syarat yang difikirkan sesuai, menganugerahkan Anugerah Aegrotat secara serta merta.
8. Permohonan untuk pertimbangan penganugerahan Anugerah Aegrotat secara anumerta hendaklah dibuat oleh keluarga atau waris simati, secara bertulis kepada Dekan Fakulti dalam masa satu tahun dari tarikh kematian pelajar tersebut.